

Jilid I
Bil. 27



MALAYSIA

Hari Khamis
18hb November, 1982

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3351]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Ketujuh)

Jadual:

Maksud B. 22 hingga B. 25 [Ruangan 3400]

Maksud B. 26 [Ruangan 3406]

Maksud B. 27 [Ruangan 3450]

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 3399]**

KANDUNGANNYA—(samb.)

Anggaran Pembangunan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Ketujuh)

Maksud P. 22 hingga P. 25 [Ruangan 3400]

Maksud P. 26 [Ruangan 3406]

Maksud P. 27 [Ruangan 3450]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P, S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOHKTAR BIN
HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal)
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

Yang Berhormat TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).

- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Pedas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).

Yang Berhormat TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).

- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

Yang Berhormat DR TAN SENG GIAW (Kepong).

- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 18hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-*
perkerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang Dipertua: Yang
Berhormat Datuk Alfred Jabu anak
Numpang. Tidak ada.

*(Soalan No. 1 Y.B. Datuk Alfred
Jabu anak Numpang tidak hadir).*

DASAR NEGARA KEPADA
DIPLOMAT MALAYSIA DI
LUAR NEGERI

2. Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah
minta Menteri Luar Negeri me-
nyatakan memandangkan bahawa
salah satu tugas atau peranan kedutaan
kita di luar negeri ialah menerangkan
dasar-dasar negara kepada masyarakat
dunia atau negara-negara asing di
mana mereka ditempatkan:

- (a) mengapakah masih ada orang-
orang asing yang masih belum
memahami dasar-dasar negara
kita sehingga ada di antara
mereka terpaksa datang ke
negara kita untuk mendapatkan
penjelasannya, umpamanya
berlaku peristiwa 7 orang
Peguam asing datang ke negara

kita semata-mata untuk
mengetahui berkenaan dengan
ISA;

- (b) adakah pihak Kerajaan berpuas
hati dengan maklumat-
maklumat yang diperbekalkan
kepada para Diplomat kita
berhubung dengan dasar-dasar
negara; dan

- (c) adakah Kerajaan berpuas hati
dengan kemampuan tenaga atau
keperluan Pegawai bagi
memikul tanggungjawab negara
di tiap-tiap kedutaan kita di luar
negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin
Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang
Dipertua, saya bersetuju bahawa
memang salah satu peranan penting
perwakilan-perwakilan kita di luar
negeri adalah untuk menerangkan
dasar-dasar negara kita kepada
masyarakat antarabangsa. Tetapi
bolehlah difahamkan bahawa tugas ini
bukanlah mudah jika ditinjau dalam
konteks bahawa dalam negara kita
sendiri pun, walaupun Kerajaan
mempunyai berbagai-bagai kemu-
dahan dalam usaha memberi
penerangan kepada rakyat, masih
terdapat juga berbagai masalah yang
timbul akibat penerangan ini tidak
sampai sebagaimana yang
dikehendaki.

Oleh yang demikian dalam usaha
memberi penerangan di luar negeri,
sambil kita menyampaikan secara
umum, tumpuan khusus adalah
diberikan kepada orang-orang atau

golongan berpengaruh yang boleh memainkan peranan penting dalam pembentukan pendapat umum dalam kelompok masing-masing. Golongan-golongan ini termasuklah juga rakyat dan pelajar-pelajar kita di luar negeri. Cara dan bentuk penyebaran penerangan ini sudah tentulah akan dipertingkatkan dan diubahsuaikan dari semasa ke semasa.

Sehubungan dengan ini, ingin saya nyatakan bahawa walau bagaimanapun keikhlasan kita dan ikhtiar kita dalam usaha-usaha ini, tidaklah dapat dielakkan bahawa kita terpaksa berdepan dengan orang-orang yang sengaja tidak mahu faham apa yang telah disampaikan. 7 orang peguam asing yang datang ke Malaysia baru-baru ini bolehlah dikumpulkan dalam golongan ini—bukanlah kita tidak memberi tumpuan khas dan kepada kumpulan-kumpulan khas dalam menjelaskan soal ISA ini.

Di samping itu Kerajaan juga sedang bahawa kejayaan Kerajaan kita mengekalkan kestabilan politik sekian lama, kejayaan kita terus-menerus meningkatkan kesejahteraan rakyat, kejayaan kita membina dan memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum dan berbagai sensitivities, kejayaan kita menolong negara-negara lain yang kurang bernasib baik seperti kita, kejayaan kita mencapai semuanya ini dengan mengekalkan sistem demokrasi berparlimen dan mengekalkan sistem perdagangan bebas adalah suatu kejayaan yang sukar ditandingi.

Oleh yang demikian apabila 7 orang peguam asing tadi menjemput diri mereka untuk memeriksa negara kita, Kerajaan telah pun menerima dan memberi segala kemudahan kepada mereka dengan harapan mereka akan diyakinkan bagaimana sebuah negara dalam keadaan yang begitu serba sukar dapat mengekalkan kestabilan politik sekian lama dan meningkatkan

kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat sekian tinggi dengan mewujudkan suatu sistem aturan-aturan Kerajaan dan Undang-undang yang telah dapat mengimbangkan dengan begitu bijaknya kepentingan ramai dengan kepentingan individu. Moga dengan pengajaran ini dapatlah mereka mencontohi dari kita untuk memperbaiki masyarakat masing-masing.

Namun demikian di antara orang-orang asing ini, misalnya golongan-golongan tertentu yang berkait dengan badan-badan seperti Amnesty International ataupun Parlimen Eropah, mungkin terdapat golongan-golongan yang tidak mempunyai keikhlasan atau kekuatan peribadi (strength of character) untuk menghadapi kenyataan dan menerima hakikat keadilan dan kebenaran. Oleh itu, pada masa-masa hadapan; Kerajaan akan juga berhati-hati supaya tidak membazirkan masa dan tenaga dengan golongan-golongan seperti ini.

Mengenai soalan (b), Kerajaan memang berpuas hati dengan aturan-aturan yang sedia ada untuk membekalkan para diplomat kita penerangan-penerangan mengenai dasar-dasar negara.

Mengenai soalan (c) pula, buat masa ini Kerajaan memang berpuas hati pada keseluruhannya dengan kemampuan tenaga pegawai-pegawai kita yang sedia ada di luar negeri untuk memikul tanggungjawab yang kian berat itu. Sudah tentulah keadaan ini akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keadaan dan keadaan kewangan negara kita.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri dasar-dasar negara kita dan juga dasar luar negara kita, apakah kedua-dua ini mempunyai persamaan dan apakah menjadi dasar

luar negara kita untuk menerangkan dan menyebarkan kepada negara-negara lain segala dasar-dasar termasuk semua undang-undang yang terdapat di negara kita ataupun hanya terhad kepada perkara-perkara yang ada berkaitan dengan perhubungan antarabangsa sahaja.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana kita tahu dunia sekarang ini kian sempit, tidak ada sebuah negara pun dalam dunia ini boleh hidup secara berasingan. Oleh itu, secara tidak langsung dan kadangkalanya secara langsung undang-undang negara sudah tentulah ada kait-mengait dengan dasar-dasar luar negara kita.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah tujuh orang peguam asing yang datang ke negara ini pada bulan Ogos tahun ini menghantar apa-apa laporan kepada Kerajaan, jikalau ada, apa isi laporan itu?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Tuan Yang Dipertua, setakat yang saya faham dan setakat ini mereka berdiam seribu bahasa.

Tuan Daud bin Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah benar masalah kedatangan 7 orang peguam luar negeri ke negara kita ialah disebabkan adanya ahli-ahli politik yang sengaja bermain politik untuk memburuk-burukkan Kerajaan dan sekiranya benar, apakah langkah Kerajaan untuk menentukan supaya perkara ini tidak berulang lagi?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Tuan Yang Dipertua, semasa lawatan 7 orang peguam asing ke Malaysia memang jelas kepada kita ada di kalangan ahli-ahli dari parti Pembangkang telahpun seperti kata orang menangguk di air yang keruh dan mengambil kesempatan politik yang murah dari lawatan ini. Insya Allah

Kerajaan akan cuba berikhtiar mengawasi kegiatan-kegiatan seperti ini.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. 7 orang peguam asing datang ke Malaysia adalah ingin tahu berkenaan dengan ISA kita. Adakah mereka sudah faham dan berpuas hati dengan hal ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi setakat ini mereka masih lagi berdiam diri tetapi itulah yang saya katakan dari jawapan saya tadi, ada kemungkinan di kalangan orang-orang ini tidak mempunyai strength of character untuk menerima hakikat kebenaran, tidak berani menghadapi kenyataan. Itu kita tidak tahulah. Setakat ini mereka masih berdiam diri.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar, umpamanya di London pelajar-pelajar kita selalu mengadu bahawa berita yang diterima oleh mereka dalam bentuk suratkhbar selalunya terlambat, kadang-kadang sebulan kemudian. Bolehkah Kementerian mengambil tindakan untuk memastikan suratkhbar dan lain-lain majallah dihantar dengan cepat kepada kedutaan kita?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir: Tuan Yang Dipertua, memanglah dari semasa ke semasa kita harus mengkaji bentuk penyebaran penerangan kita ke luar negeri dan juga cara penyebaran itu dibuat dan baru-baru ini kita telahpun membuat satu kajian yang mendalam, kajian itu sudah pun siap. Insya Allah, mulai 1hb Januari ini kita akan memulakan satu sistem baru mengenai penyebaran penerangan ini dan, insya Allah, kita berharap kelewatan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dapat dikurangkan sebanyak-banyaknya.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen ada menerangkan termasuk juga penerangan kedutaan-kedutaan kita di luar negeri untuk menerangkan kepada pelajar-pelajar kita yang ada di luar negara kita. Sejak akhir-akhir ini kita dapati bahawa pelajar-pelajar daripada negara kita menentang Kerajaan.

Saya ingin tahu dalam kajian Kementerian Luar Negeri, adakah penentangan pelajar-pelajar kita itu hasil daripada hasutan sama ada hasutan daripada negara-negara yang menentang dasar kita ataupun hasutan daripada parti-parti politik Pembangkang kita?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, memang salah satu sebab utama di mana pelajar-pelajar kita agak bertentangan dengan dasar-dasar pokok negara bukan sangat dengan parti yang memerintah, dengan dasar-dasar parti yang memerintah tetapi yang kita bimbangkan adalah pengkhianatan mereka terhadap persetujuan pokok negara. Memang terdapat bukti-bukti ini adalah hasil dari hasutan setengah-setengah dari parti-parti Pembangkang.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan ada parti-parti Pembangkang terlibat dengan kedatangan 7 orang peguam asing. Jadi, parti Pembangkang dalam Dewan ini ada dua—Parti DAP dan PAS. Adakah DAP dan PAS atau DAP atau PAS?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu keluar daripada soalan asal.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah. Tidak ada.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir).

BIRO BANTUAN GUAMAN

4. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan yang telah dijalankan setakat ini untuk meluaskan Biro Bantuan Guaman berhubung menambah bilangan kakitangan dan cawangan, meluaskan sekop kes yang dikendalikan dan meninggikan kadar kelayakan kepada \$500/- supaya lebih ramai rakyat akan layak mendapatkan bantuan Biro.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang Dipertua,

- (1) Biro Bantuan Guaman mempunyai rancangan untuk menambahkan bilangan kakitangannya. Akan tetapi oleh kerana keadaan ekonomi negara kita masa kini, maka rancangan tersebut terpaksa ditunda.

Walau bagaimanapun, Biro Guaman dibantu oleh peguam-peguam swasta.

- (2) Setakat ini Biro ini mempunyai 15 cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Pada bulan Disember tahun ini cawangan yang keenam belas akan mula berkhidmat di Taiping, Perak. Selain daripada itu 4 lagi cawangan dijadualkan untuk tahun 1982 tetapi pembukaan cawangan-cawangan tersebut terpaksa ditangguhkan.
- (3) skop yang dikendalikan oleh Biro ini telah diperluaskan pada 1 Februari 1982 dengan tambahan 6 jenis kes sivil dan 2 kes jenayah. Perkara-perkara sivil yang telah dimasukkan

kepada jadual Akta Bantuan Guaman, 1971 adalah seperti berikut:

- (i) Penceraian dan jagaan kanak-kanak (bukan Islam);
- (ii) Sewa-menyewa;
- (iii) Hak dan tanggungan di bawah Akta Sewa-Beli 1967;
- (iv) Permohonan Probet dan Surat Mentadbir Pesaka;
- (v) Hak dan tanggungan di bawah Ordinan pengambilan Anak Angkat 1952;
- (vi) Tuntutan-tuntutan pengguna.

Perkara-perkara jenayah yang telah ditambah kepada bidang kuasa Biro ini ialah jenayah di bawah Ordinan Kanak-kanak dan Orang-orang Muda 1947 dan jenayah di bawah Ordinan Kesalahan-kesalahan kecil 1955. Dalam bidang nasihat undang-undang pula, Biro ini diberi kuasa tambahan untuk memberi nasihat undang-undang dalam semua perkara.

- (4) Kelayakan seseorang pemohon adalah tidak bergantung kepada pendapatan bulannya, tetapi kepada modal bolehguna dan pendapatan bolehgunanya bagi satu tahun. Biro Bantuan Guaman adalah sedang mengkaji semula kelayakan pemohon-pemohon.

Walau bagaimanapun, buat masa ini Biro Bantuan Guaman digalakkan bersikap flexible dalam pelaksanaan ujian kemampuan.

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana Biro Bantuan Guaman ini

adalah sebuah badan Kerajaan di mana terdapat apa-apa percanggahan kepentingan (conflict of interests) sekiranya orang ramai meminta bantuan guaman darinya untuk membuat tuduhan terhadap Kerajaan. Jika ya, sama ada Kerajaan akan menimbang menjadikan Biro Bantuan Guaman sebagai satu badan yang asing dan bebas?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, setakat ini tidak ada berlaku conflict of interests.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan apa yang dikatakan dasar jimat cermat itu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan peruntukan bagi Biro tersebut dan bolehkah Yang Berhormat menyatakan sambutan terhadap Biro tersebut?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, sambutan rakyat kepada Biro ini amatlah menggalakkan oleh kerana Biro ini telah berjaya memberi perkhidmatan yang begitu memuaskan.

Dari segi peruntukan yang diperuntukkan kepada Biro ini, anggaran belanjawannya ada di dalam buku yang sedang kita bincangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sehingga hari ini berapa orang peguam ada berkhidmat di dalam Biro Bantuan Guaman dan memandangkan bahawa Biro itu adalah menghadapi satu masalah tentang kakitangan, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah rancangan Biro untuk menggalakkan lebih ramai peguam swasta untuk berkhidmat dalam Biro itu?

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, Pembantu Undang-undang Tingkatan Biasa ada 10 orang di dalam Biro Bantuan Guaman. Dari segi peguam-peguam swasta, Biro Bantuan Guaman tidak menghadapi apa-apa kesulitan dan kesukaran untuk mendapat pertolongan, kerana kes-kes yang telah kita rujukkan kepada mereka sentiasa mendapat perhatian yang baik daripada peguam-peguam swasta.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai peguam-peguam yang bertugas atau berkhidmat di Biro ini macam manakah pihak Kementerian membayar kepada mereka yang bertugas.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Yang Dipertua, kadar bayaran untuk saraan peguam ini adalah ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Bantuan Guaman Tahun 1970. Saya tidak ada membawa Peraturan-peraturan tersebut di sini, tetapi kalau tidak silap saya, bagi menjalankan kes-kes di Mahkamah Tinggi, mereka akan dibayar setengah daripada kos yang ditetapkan dan bayaran balik sepenuhnya perbelanjaan yang telah dilakukan. Dalam kes Mahkamah Rendah bayaran \$100 dibuat bagi tiap-tiap satu hari peguam hadir dalam mahkamah itu dan \$50 bagi menyediakan kes-kes serta \$20 untuk sesuatu temuduga dengan pelanggan.

KOKO DAN KELAPA—PASARAN

5. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah apa-apa ikhtiar telah dibuat untuk mendapatkan pasaran koko dan kelapa di luar negeri, memandangkan harga kedua-dua hasil tersebut sangatlah jatuh harganya, sehingga petani-petani yang berkenaan sangat menderita sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, ya, Kerajaan telah menjalankan kegiatan-kegiatan dalam usaha untuk menambahkan pasaran bagi biji koko dan minyak kelapa. Kegiatan-kegiatan ini termasuk:

- (i) Penyertaan dalam rombongan perdagangan ke Amerika Syarikat dan Kanada, Brazil, Fiji, New Caledonia dan Papua New Guinea pada tahun 1981 dan ke Iraq, Oman, Kuwait, Saudi Arabia dan Bharain, Mesir, Greece dan Austria dalam tahun ini;
- (ii) Penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa seperti 'Anuga Food Fair' di Germany dalam tahun lalu; dan
- (iii) Missi perdagangan khas untuk koko, kopi dan minyak kelapa ke negeri-negeri Jepun dan Korea Selatan dalam tahun ini.

Hasil daripada kegiatan-kegiatan ini adalah menambahkan pesanan untuk biji koko terutamanya.

Walau bagaimanapun, hasil-hasil daripada kegiatan-kegiatan itu adalah terhad oleh sebab biji koko tempatan dan minyak kelapa sebagai bahan-bahan eksport adalah dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan di pasaran luar negeri terutamanya tambahan bekalan yang lebih tinggi daripada tambahan permintaan bagi kedua-dua bahan itu. Sejak tahun 1979 pengeluaran koko pada purata telah bertambah dengan kadar 7.1% setahun berbanding dengan tambahan sebanyak 3.5% bagi kegunaannya. Untuk minyak kelapa pula, perbekalan dunia minyak-minyak sayuran pada tahun 1979 hingga 1981 adalah di antara 65-68 juta tan setahun berbanding dengan kegunaan sebanyak 54-59 juta tan setahun.

Oleh kerana pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian telah memberi penjelasan yang panjang lebar berkenaan koko dan kelapa sebelum ini, maka saya tiada ada apa-apa maklumat tambahan kepada soalan ini.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa buat masa ini Kerajaan sedang memperhebatkan usaha untuk mengeksport bahan koko dan minyak kelapa ke luar negeri, dan ekoran dari itu sambutan daripada negara-negara luar ini agak menggalakkan. Jadi, soalannya mengapakah sehingga ke saat ini pekebun-pekebun koko dan kelapa ini masih lagi menghadapi kesulitan akibat daripada kejatuhan harga koko tersebut. Mengikut teori permintaan dan penawaran kalau permintaan itu banyak, maka harga sesuatu barangan itu akan dengan sendiri menjadi lebih tinggi.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu mendengar dalam jawapan saya tadi iaitu saya mengatakan sejak tahun 1979 pengeluaran koko pada purata adalah bertambah dengan kadar 7.1% setahun berbanding dengan tambahan sebanyak 3.5% bagi kegunaannya. Demikian juga minyak kelapa perbekalan dunia minyak sayuran pada tahun 1979 hingga 1981 adalah antara 65 hingga 68 juta tan setahun berbanding dengan kegunaan sebanyak 54 hingga 59 juta tan sahaja. Bermakna hasil tanaman ataupun benda ini sudah begitu banyak dan demandnya pula berkurangan. Itu sebab sekarang Malaysia sudah mengalami kesulitan terhadap harga koko dan minyak kelapa kerana begitu banyak pengeluaran benda ini, bukan daripada Malaysia sahaja, bahkan daripada dunia luar.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan

Menteri Pertanian, tadi beliau ada menyatakan saingan yang hebat berkenaan eksport minyak kelapa kita adalah kerana saingan daripada minyak bahan daripada yang lain. Setahu saya jika tidak silap Filipina telahpun mengusahakan satu teknologi baharu berkenaan dengan minyak kelapa ini boleh dijadikan minyak diesel. Adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk mengadakan proses minyak kelapa ini dijadikan minyak diesel. Kalau ada, apakah langkah-langkahnya dan kalau tidak, apakah sebabnya?

Timbalan Yang Dipertua: Soalan itu keluar daripada soalan asal. Ini kerana pasaran sahaja.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan keadaan kawasan kebun kelapa yang kian terbiar disebabkan tidak diusahakan kerana kejatuhan harga kelapa pada masa ini adakah Kerajaan bercadang untuk membantu mereka di bawah Skim Gerak Tani atau skim yang serupa dengannya demi memulihkan pendapatan kaum-kaum tani yang berkebun kelapa.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, ada.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil oleh Kerajaan untuk memperluaskan kegunaan koko dan kelapa dalam industri-industri tempatan supaya dapat satu downstream effect.

Timbalan Yang Dipertua: Soalan itu luar daripada soalan asal.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Menurut keterangan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pasaran koko

dari negara kita meghadapai bermacam-macam kesulitan, adakah benar kualiti koko kita tidak begitu baik jika dibandingkan dengan koko seperti dari Nigeria, adakah itu benar. Kalau benar, adakah itu satu sebab kejatuhan harga koko?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana pihak Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap grade koko ini kalau dibandingkan grade koko negara kita dengan negara lain tidaklah begitu rendah mutunya oleh kerana kita ketahui orang dagang ini tentulah mereka mencari helah untuk menurunkan harga koko kita. Dia kata inilah masalahnya kurang mutu dan sebagainya. Jadi, walau bagaimanapun, pihak MARDI sekarang dengan pihak FAMA sedang mencari daya-usaha bagaimana memproses jenis koko yang bermutu tinggi dan arahan juga telah pun dibuat kepada para pekebun-pekebun kecil di Malaysia.

KERETAPI TANAH MELAYU— PERTUKARAN NAMA

6. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sebabnya nama Keretapi Tanah Melayu belum diubah kepada Keretapi Malaysia bagi mencerminkan corak ke Malaysia kerana Keretapi Tanah Melayu itu tiada bersesuaian lagi.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, sebenarnya soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukanlah satu soalan yang baru, ianya pernah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini dalam tahun 1979.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mempunyai dua sistem keretapi yang berasingan, satu di Semenanjung dan satu lagi di Negeri Sabah. Nama "The Malayan Railway"

adalah termaktub dalam Undang-undang iaitu "The Railway Ordinance, 1948" dan kuasa Undang-undang itu tidak meliputi Negeri Sabah. Oleh hal yang demikian, adalah difikirkan tidak tepat jika nama "Keretapi Tanah Melayu" diubah dengan nama "Keretapi Malaysia" seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Lagi pun, nama "Keretapi Tanah Melayu" telah dikenali berpuluh-puluh tahun dan tidak ada sebab kenapa ianya patut ditukarkan.

IKAN AIR TAWAR— BANTUAN PEMASARAN

7. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ikan-ikan air tawar yang dibiakkan oleh penduduk-penduduk luar bandar dijual oleh mereka sendiri secara kecil-kecil tanpa sebarang bantuan dari FAMA atau lain-lain agensi Kerajaan walaupun Kerajaan telah mengeluarkan banyak belanja terhadap skim ini dan kemungkinan lama kelamaan mereka akan hilang keyakinan terhadap pembiakan ikan air tawar dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk membantu mereka dalam pemasaran ikan air tawar ini.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa pemasaran ikan-ikan air tawar yang dibiak oleh penduduk-penduduk luar bandar telah dijalankan oleh mereka sendiri di masa-masa yang lalu tanpa bantuan dari FAMA atau lain-lain agensi Kerajaan. Keadaan ini berlaku oleh kerana dahulu hasil pengeluaran tidaklah begitu meluas dan cukup untuk keperluan penduduk-penduduk di sekitar kawasan-kawasan pengeluar ikan air tawar. Walau bagaimanapun, sekarang ini dengan bertambahnya pengeluaran, Kementerian saya

melalui FAMA akan meluaskan bantuan-bantuan untuk memasarkan hasil ini.

Antara usaha-usaha yang akan dijalankan bagi memajukan pasaran untuk ikan air tawar di negara ini ialah:

- (i) Memperluaskan pasaran dengan cara menyakinkan para pengguna dalam penggunaan ikan air tawar. Pada masa ini pengguna lebih gemar ikan laut daripada ikan air tawar. Oleh yang demikian, pihak Kementerian berharap kempen menggalakkan kegunaan ikan air tawar akan menambahkan minat para pengguna tempatan bukan sahaja akan membeli ikan yang masih hidup bahkan para pengguna juga akan membeli ikan yang telah mati.
- (ii) Pihak FAMA juga membeli terus ikan-ikan air tawar daripada para penternak dan memasarkannya kepada pengguna.

Pihak Kementerian yakin bahawa dengan usaha-usaha tersebut akan menjamin pasaran yang lebih baik untuk hasil-hasil ikan air tawar ini pada masa akan datang.

GURU SEMENTARA DI SARAWAK

8. Datuk Edwin anak Tangkun minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai guru-guru sementara di Sarawak mempunyai kelayakan penuh semasa bertugas, tetapi selepas tiga tahun mereka didapati diberhentikan dan jika ya, nyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengelakkan perasaan tidak puas hati yang mungkin timbul di kalangan setengah guru-guru sementara itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang Dipertua, Kementerian memang sedar adanya guru-guru sementara yang mengajar di sekolah-sekolah di Sarawak. Ini adalah langkah sementara sahaja oleh kerana matlamat Kementerian Pelajaran adalah untuk menempatkan guru-guru terlatih kepada semua sekolah. Guru-guru sementara ini akan digantikan dengan guru-guru terlatih sebaik sahaja terdapat guru terlatih yang keluar dari maktab-maktab perguruan dan universiti-universiti. Walau bagaimanapun, guru-guru sementara itu akan diberi peluang untuk menjadi guru-guru tetap sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat berikut:

- (1) Mereka mempunyai kelayakan akademik untuk mengikuti kursus perguruan.
- (2) Mereka didapati memenuhi syarat-syarat selain daripada kelayakan akademik yang diperlukan untuk menjadi seorang guru terlatih.
- (3) Mereka berminat dan bercita-cita untuk menjadikan bidang perguruan sebagai profesyen mereka.

Datuk Edwin anak Tangkun: Memandangkan ramai guru-guru di negeri Sarawak telah diberhentikan bila mereka sudah mengajar dua atau tiga tahun menjadi guru sementara, dan oleh kerana di negeri Sarawak masih lagi kekurangan guru, adakah cara-cara lain untuk menetapkan mereka itu supaya diberi kursus di pusat Latihan Bahasa Malaysia di Kuala Lumpur ataupun cara-cara lain untuk menetapkan mereka itu mendapat kerja yang lain kerana guru-guru sementara itu bila mereka sudah sampai tiga tahun mengajar, mereka memang didapati ada kelayakan dan pengalaman yang tinggi.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya memang mengakui bahawa setengah daripada mereka mempunyai kelulusan. Tetapi apa yang dimaksudkan ialah latihan ikhtisas sebelum mereka itu dibolehkan mengajar dan dimasuki di dalam perkhidmatan tetap.

Saya juga sedar bahawa seperti pada 30-6-1982, terdapat sejumlah 2,012 orang guru-guru yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Setengah daripada mereka ialah yang mempunyai ijazah universiti tetapi belum dapat peluang untuk mengikuti kursus perguruan. Setengah daripada mereka tidak mempunyai kelayakan minima untuk dipertimbangkan bagi menyertai kursus latihan di mana-mana maktab. Setengah daripada mereka mempunyai kelayakan minima dan telah memohon tempat di maktab perguruan dan pada masa ini mereka sedang menunggu keputusan pemilihan.

Bagi mereka yang mempunyai kelayakan minima tetapi tidak berminat untuk memohon peluang mengikuti kursus perguruan, ini tidak dapat kita buat apa-apa. Setakat ini yang sebenarnya segala jenis perkiraan sedang dibuat untuk menolong mereka ini.

Tuan Justine anak Jinggot: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana ramai guru-guru sementara di Sarawak yang mempunyai kelayakan penuh semasa bertugas telah berhenti, adakah Kementerian berkenaan sedar di beberapa buah sekolah rendah luar bandar di Sarawak tidak mencukupi guru. Jika sedar apa tindakan yang telah diambil oleh Kementerian tersebut?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, kita memang sedar akan hal ini dan Kementerian sedang dalam proses menempatkan lagi guru-guru yang terlatih termasuk

daripada Semenanjung untuk bertugas di sana, seperti yang kita telah lakukan pada tahun ini.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ada menyatakan syarat-syarat bagi guru-guru sementara di Sarawak untuk memasuki perkhidmatan tetap. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, adakah syarat-syarat yang sama diberi kepada guru-guru sementara di Semenanjung Malaysia?

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, ini adalah soalan luar daripada soal asal.

LORI—SISTEM HAD LAJU

9. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar sistem had laju bagi lori-lori adalah berasaskan sistem yang telah ujud pada masa penjajahan British, dan dengan perubahan dan kehendak-kehendak masa sekarang, sistem had laju ini telah didapati tidak sesuai lagi pada masa ini dan sama ada had laju ini akan dikaji semula dan bilakah had laju baru itu dikuatkuasakan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, had laju tiap-tiap jenis kenderaan bermotor telah dikaji semula dan pindaan ke atas Kaedah-kaedah Kereta Motor (Had Laju) 1959 telah diperbuat pada 15hb Jun, 1982 melalui Kaedah-kaedah Kereta Motor (Had Laju) Pindaan 1982. Undang-undang yang baru ini mula berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1982. Had laju ini adalah diberi dalam sistem unit Metrik-Kilometer sejam (Km/J)—selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggunakan Sistem Metrik tersebut. Sebagai misalan, Tuan Yang Dipertua, kereta-kereta yang membawa barang-barang iaitu kenderaan yang menarik

trailer, recovery truck, mobile crane, concrete mixture truck, concrete pumping truck telah dinaikkan daripada 40 kms. kepada 50 kms. Kenderaan yang 'rigid' iaitu yang melebihi berat dan muatan (BDM) sebanyak 12,000 kg. seperti panel van, tipper, lori dan tanker telah dinaikkan daripada 40 kms. kepada 60 kms. Kenderaan yang sama yang tidak melebihi BDM 12,000 kg. telah dinaikkan daripada 50 kms. kepada 70 kms. Bagi kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam yang membawa penumpang melebihi 9 orang termasuk pemandu seperti bas berhenti-henti, bas ekspres, bas persiaran, bas mini, bas sekolah, bas kilang, bas persendirian telah dinaikkan daripada 56 kms. kepada 70 kms. Bagi kenderaan yang membawa penumpang tidak melebihi 9 orang termasuk pemandu seperti kereta sewa, teksi dan teksi limousine tidak dinaikkan iaitu setakat 80 kms. seperti yang ada pada masa dahulu.

LEBUHRAYA TELOK INTAN— HARGA TAWARAN PROJEK

10. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan harga tawaran bagi projek lebuh raya Telok Intan ke Lumut serta memberi jadual permulaan dan persiapannya.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, di bawah Projek Lebuh raya Telok Intan, Lumut itu pembinaan lebuh raya dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian Pertama iaitu Lebuh raya daripada Telok Intan ke Kampung Kayan sejauh 27.5 km atau 17 batu telah diterima tawaran dengan harga \$53,134,409.75 sen. Pihak kontraktor yang berjaya telah memulakan kerja-kerja mobilisasi pekerja, alat-alat jentera dan sebagainya pada awal bulan ini. Bahagian projek itu dijangka siap dalam bulan Mei, 1985.

Bahagian kedua iaitu daripada Kampung Kayan ke Lumut sudah ada jalanraya yang boleh digunakan. Oleh itu, Kerajaan belum ada rancangan untuk membuat jalan baru. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang membuat kajian membaiki jalan itu.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada bayaran tol akan dikenakan terhadap kenderaan-kenderaan yang akan menggunakan Bahagian Pertama Lebuh raya yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, Menteri Kerjaraya belum mengambil keputusan atas perkara itu lagi.

BUMIPUTERA—PENGLIBATAN IMPORT/EKSPORT

11. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah penglibatan Bumiputera dari segi kewangan di dalam bidang eksport/import pelbagai barangan bagi tahun 1981 dan 1982;
- (b) berapa peratus jumlah seperti di (a) di atas jika dibandingkan dengan penglibatan di bidang yang sama bagi keseluruhan kegiatan jika dibandingkan dengan bukan Bumiputera; dan
- (c) jumlah syarikat Bumiputera yang terlibat dan bilangan Bumiputera yang terlibat secara individu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang Dipertua, pada masa ini data-data dan perangkaan-perangkaan yang berhubung dengan prestasi eksport dan import negara adalah dibuat mengikut kumpulan barangan dan tidak mengikut pengimport. Oleh yang demikian, saya tidak dapat menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang berhubung dengan jumlah sebenar penglibatan bumiputera di bidang import dan eksport bagi tahun 1981 dan 1982 dan juga yang berhubung dengan peratus penglibatan bumiputera di bidang yang berkenaan jika dibandingkan dengan penglibatan kaum bukan bumiputera.

Sementara itu bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat seterusnya yang berhubung dengan jumlah syarikat bumiputera yang terlibat, adalah dimaklumkan bahawa maklumat yang terdapat di Kementerian saya bagi tahun 1981 terdapat 107 buah syarikat bumiputera berbanding dengan 1,403 buah syarikat bukan bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian saya sebagai pengeksporth-pengeksporth bahan-bahan keluaran Malaysia ke luar negeri. Bagi tahun 1982 pula kerjakerja mengemaskini daftar yang berkenaan sedang dilakukan dan setakat ini 24 buah syarikat bumiputera telah mendaftar diri berbanding dengan 700 buah syarikat bukan bumiputera. Dari segi import pula bilangan sebenar syarikat bumiputera yang terlibat tidak dapat dipastikan disebabkan Kementerian saya sedang menyiapkan daftar pengimport-pengimport bumiputera. Walau bagaimanapun, bagi barang-barang yang dikenakan lesen import, jumlah pengimport-pengimport bumiputera yang terlibat ialah sebanyak 157 buah syarikat dan 32 buah syarikat bukan bumiputera. Kementerian ini tidak mengeluarkan lesen import untuk perniagaan kepada individu.

KEMELESETAN EKONOMI DUNIA

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab ekonomi Malaysia terjejas disebabkan kemelesetan ekonomi dunia dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk melindungi kepentingan negara ini dan rakyatnya dan adakah kemelesetan pada waktu ini akan mendorong Malaysia menilai semula matawang ringgit.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, seperti Ahli Yang Berhormat maklum, Y.B.M. Menteri Kewangan telah menerangkan secara terperinci dalam Ucapan Belanjawan pada 22hb Oktober, 1982 mengenai sebab-sebab ekonomi negara telah terjejas serta juga langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan sebagai tambahan kepada langkah-langkah yang telah dilaksanakan pada masa yang lepas bagi memperkukuhkan ekonomi negara.

Seperti yang telah diterangkan dalam Ucapan Belanjawan, nilai ringgit bukan sahaja kukuh tetapi telah meningkat berbanding dengan setengah matawang asing seperti yen, DM, paun sterling dan franc swiss. Ringgit akan terus kukuh dan stabil dengan pertumbuhan ekonomi kita yang dijangka akan terus baik dalam beberapa tahun yang akan datang. Eksport negara juga dijangka bertambah baik. Oleh itu, soal menilai semula matawang ringgit adalah tidak timbul pada waktu ini.

PEJABAT IMIGERESEN SARAWAK—PENGELUARAN PASPORT

13. Tuan Ling Sie Ming minta Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah itu benar bahawa

pejabat Imigeresen kekurangan buku Pasport kerana sejak bulan Mei hingga sekarang Pejabat Imigeresen Sarawak telah berhenti mengeluarkan Pasport kepada pemohon Pasport. Jika tidak, apa sebabnya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan Pejabat Imigeresen Sarawak telah tidak mengeluarkan sebarang pasport Malaysia sejak bulan Mei sehingga sekarang kepada pemohon-pemohon.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak bulan Mei sehingga bulan September, 1982 sahaja, Pejabat Imigeresen Sarawak telah mengeluarkan 7,664 naskah Pasport Malaysia kepada pemohon.

TUJUH PEGUAM ASING— LAYANAN KERAJAAN

14. Tuan Haji Ismail bin Said minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak beliau diberi maklum terlebih dahulu tentang kedatangan tujuh peguam asing dari kumpulan Persatuan Antarabangsa hak asasi manusia ke negara kita baru-baru ini oleh pihak penganjur. Apakah sikap Kementerian ini terhadap kedatangan mereka. Adakah beliau bercadang menganjurkan sendiri kedatangan kumpulan Antarabangsa lain yang serupa bagi memerhatikan sendiri keadaan yang sebenar di negara kita.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, pertanyaan yang hampir sama dengan pertanyaan Yang Berhormat ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 15-10-1982 dan juga di dalam ucapan menggulung saya pada 5-11-1982. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PENJAJA—PERUNTUKAN WANG

15. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sebarang peruntukan wang telah diketepikan di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi menyelesaikan masalah penjaja di negara ini, nyatakan jumlah wang yang telah diperuntukkan, sekiranya ada, dan berapakah jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk menyelesaikan masalah penjaja di Sarawak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, di bawah Rancangan Malaysia Keempat sejumlah \$50 juta telah diperuntukkan di bawah program menyediakan kemudahan dan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil bagi seluruh negara. Dari jumlah itu sebanyak \$2,750 telah diperuntukkan bagi negeri Sarawak.

Bagi tahun 1981 sejumlah \$10 juta telah diperuntukkan di bawah program itu keseluruhannya. Jumlah yang telah dibelanjakan ialah \$7,653,497 atau 76.5%. Dalam tahun 1982 ini sejumlah \$9.4 juta telah diperuntukkan. Bagi negeri Sarawak sebanyak \$450,000 telah diperuntukkan dalam tahun 1981 dan dalam tahun 1982 pula sebanyak \$200,000 telah diperuntukkan kepada negeri Sarawak.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa peruntukan yang tersebut hanya untuk masalah penjaja berlesen ataupun tidak berlesen atau kedua-duanya?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, memang untuk yang berlesen.

RANCANGAN PEMBETUNGAN IPOH

16. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapa Rancangan Pembetulan Ipoh yang ditunda oleh Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri disebabkan tidak cukup wang peruntukan bagi projek ini di bawah Rancangan Malaysia Keempat walaupun semua kriteria yang ditentukan oleh Y.A.B. Perdana Menteri untuk memastikan terus sesuatu projek telah pun dipenuhi iaitu:
- (i) Projek itu sebelum dipotong wang peruntukannya telah pun diumumkan dalam tahun 1979 dan sebanyak \$1 juta telah pun dibelanjakan atas perundingan yang sekarang dalam satu kedudukan memanggil bagi tawaran-tawaran untuk pelaksanaan Peringkat 1 projek itu;
- (ii) Projek itu secara langsung memberi faedah kepada 140,000 orang penduduk-penduduk Ipoh yang sentiasanya di bawah ancaman penyakit-penyakit daripada air kerana sistem baldi yang digunakan untuk membuang najis;
- (iii) Projek itu jika dilaksanakan sekarang akan menghasilkan penjaminan yang besar di atas kos sebab apabila kajian feasibility disiapkan pada tahun 1974, kos anggaran ialah \$15.75 juta bagi Peringkat 1 dan sekarang

sebaik saja sebelum Tawaran, pakar perunding telah memprojeikan satu kos sebanyak \$40 juta, satu tambahan 254% atas tempoh 8 tahun.

- (b) sama ada Y.A.B. Perdana Menteri sedar bahawa jika projek ini dilambatkan lagi, satu kajian baru mesti dijalankan kerana langkah memajukan Ipoh tidak akan menunggu rancangan pembetulan itu dan akan menukar penuhnya data yang digunakan bagi tawaran sekarang dan wang lebih \$1 juta diperbelanjakan oleh pihak Majlis Perbandaran Ipoh akan dibazirkan; dan
- (c) bolehkah wang istimewa diperuntukkan kepada projek ini bagi tahun 1983 supaya Tawaran yang disediakan boleh dipanggil.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, Kajian Kemungkinan Projek Pembetulan Najis Ipoh telah disiapkan pada tahun 1974. Kerja-kerja mengemaskini kajian dan juga bagi penyediaan rekabentuk projek tersebut telah disiapkan pada bulan April 1981.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, peruntukan sebanyak \$10 juta telah diluluskan untuk penyediaan rekabentuk, pengambiln tanah dan pelaksanaan peringkat 1 Projek Pembetulan Najis Ipoh. Dari peruntukan itu, sejumlah \$2 juta telah disediakan dalam tahun 1982 bagi penyediaan rekabentuk terperinci. Semasa pemeriksaan belanjawan bagi tahun kewangan 1983, permohonan untuk pelaksanaan fasa pertama projek tersebut telah ditangguhkan, memandangkan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada ketika ini yang kurang menggalakkan.

Oleh yang demikian, pelaksanaan Projek Pembetulan Najis Ipoh terpaksa ditangguhkan memandangkan bahawa projek ini tidak merupakan satu projek yang mempunyai "contractual commitment" oleh kerana tawaran-tawaran bagi pelaksanaannya belum lagi dipanggil.

Dengan penangguhan pelaksanaan projek ini wang berjumlah \$1 juta yang telah dibelanjakan oleh Majlis Perbandaran Ipoh itu tidak akan membazir kerana pelan induk sistem pembetulan najis ini boleh digunakan untuk mengawasi pembangunan di bandar Ipoh pada masa hadapan mengikut sistem yang disyorkan dan di mana perlu, pemaju-pemaju perumahan boleh diminta untuk melaksanakan sistem pembetulan najis ini.

Beberapa kawasan yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri telah disyorkan dalam kajian kemungkinan projek tersebut sebagai tapak pembinaan loji-loji pembersihan najis (sewerage treatment plants). Sekiranya tapak-tapak berkenaan disediakan oleh Kerajaan Negeri, maka perubahan yang besar ke atas pelan induk sistem pembetulan najis yang telah disediakan itu tidak perlu dilaksanakan apabila projek Pembetulan Najis Ipoh hendak dilaksanakan kelak. Kerajaan Negeri hanya perlu mengemaskini rekabentuk terperinci projek tersebut untuk mengambil kira pembangunan yang baru di kawasan Bandar Ipoh.

Unit Perancangan Ekonomi akan mempertimbangkan permohonan peruntukan bagi pelaksanaan fasa pertama Projek Pembetulan Najis Ipoh semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada masa itu.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, selepas mendengar jawapan dari Timbalan Menteri yang berkenaan, saya berasa sedih dan berasa malu kerana bandar Ipoh ini masih menggunakan bucket system di kebanyakan tempat termasuk kawasan saya. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri berkenaan bila pihak Kerajaan hendak mula melaksanakan projek ini pada masa yang akan datang, bila?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, saya memang sedar atas masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya pun telah menjelaskan bahawa Unit Perancangan Ekonomi akan mempertimbangkan peruntukan untuk pelaksanaan fasa pertama semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir)

FELDA—PENEROKA KETURUNAN TIONGHUA

18. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kementeriannya bercadang mengambil lebih ramai rakyat keturunan Tionghua sebagai peneroka rancangan tanah FELDA, memandangkan mereka sangat dahagakan tanah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang Dipertua, sebenarnya soalan-soalan ini telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini, tetapi berapa kali kita jawab sekalipun mereka masih belum puas dengan jawapan kita.

Untuk menjawab soalan ini, penyertaan peneroka-peneroka bukan bumiputera, termasuk dari keturunan Tionghua, dalam rancangan-rancangan pembukaan tanah oleh agensi-agensi Kerajaan akan dipergiatkan dan diperluaskan lagi di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan satu skim FELDA di kawasan Belut Valley telah dijalankan dengan berjaya di mana dalam skim itu ada sekolah-sekolah untuk peneroka Melayu, China dan India masing-masing. Tetapi sekolah-sekolah itu ditempatkan di satu tempat, kalau dari segi integrasi adalah sangat menggalakkan. Adakah Kerajaan akan mencontohi skim seperti di Belut Valley, Bentong, Pahang supaya skim-skim FELDA yang akan datang itu dibuat seperti saya katakan tadi?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, kalau ramai di antara rakyat telah menyokong rancangan baik Kerajaan Barisan Nasional, kita akan meneruskan rancangan ini.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru bagi kaum bukan bumiputera dalam sektor pertanian, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengutamakan kaum China yang sedia ada dalam senarai menunggu untuk ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, calon-calon yang menunggu adalah diberi keutamaan daripada calon-calon yang tidak menunggu.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed.

(Soalan No. 19 Y.B. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed tidak hadir)

HASIL PERTANIAN— HARGA MINIMA

20. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah FAMA akan melaksanakan harga minima bagi hasil-hasil pertanian untuk menjamin para petani mendapat harga yang berpatutan bagi hasil-hasil mereka.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan pada masa ini tidaklah bercadang untuk mengadakan harga-harga minima bagi hasil-hasil pertanian selain daripada padi yang merupakan hasil strategik untuk negara ini. Sungguhpun demikian, Kerajaan melalui cara-cara yang lain sedang berusaha untuk menentukan bahawa petani-petani mendapat harga-harga yang berpatutan untuk hasil-hasil mereka. Tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan antaranya ialah:

- (i) Menambahkan saluran untuk petani-petani memasarkan hasil mereka supaya petani-petani tidak menghadapi masalah mendapatkan pasaran untuk hasil-hasil mereka sungguhpun keadaan permintaan dalam pasaran telah berkurangan. Ini telah dapat dicapai dengan FAMA menyertai dalam pembelian dan pemerosesan beberapa hasil seperti koko, kelapa, kopi dan kacang tanah.
- (ii) Menentukan bahawa petani-petani tidak mengalami amalan-amalan yang tidak adil yang mungkin dikenakan oleh pembeli-pembeli swasta dan dengan demikian hasil yang dipasarkan oleh petani-petani akan mendapat pulangan yang sepenuhnya selaras dengan harga di pasaran. Bagi tujuan ini, FAMA pada masa ini

sedang melaksanakan Rancangan-rancangan Kawalan bagi kelapa, kopi, koko, lada hitam dan sayur-sayuran.

- (iii) Usaha-usaha juga dijalankan untuk meninggikan mutu hasil-hasil yang dikeluarkan oleh petani-petani sama ada hasil yang belum diproses ataupun yang sedang diproses supaya mendapat nilai yang tinggi. Sebagai contoh petani-petani adalah diberi tunjukajar cara-cara memproses biji koko supaya biji-biji koko yang dikeluarkan oleh mereka adalah bermutu tinggi. Perkara ini adalah penting memandangkan bahawa dalam keadaan pasaran di mana permintaan berkurangan, hasil ini yang bermutu tinggilah yang akan senang dijual.
- (iv) Memajukan dan memperluaskan pasaran untuk hasil-hasil pertanian Malaysia di luar negeri yang menjadi pasaran untuk hasil-hasil ini. FAMA telah berusaha menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke negara-negara yang bukan sahaja menjadi pasaran tradisional tetapi juga yang merupakan pasaran baru untuk hasil-hasil ini. Usaha-usaha memperbagaikan pasaran seperti ini akan mengurangkan kesan sebarang perkembangan yang tidak diinginkan oleh kerana Malaysia tidak akan bergantung kepada satu atau dua negara untuk hasil-hasilnya.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah

FAMA ini menjelaskan pemasaran hasil-hasil pertanian di dalam negeri sahaja ataupun luar negeri.

Soalan kedua, baru-baru ini saya ada mendapat tahu bahawa Pengarah FAMA telah pergi ke negara-negara Timur Tengah ataupun negara Arab untuk mendapatkan pasaran kelapa bulat. Adakah perkara ini benar, dan kalau benar, bilakah pelaksanaannya akan dijalankan?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, adalah benar bahawa FAMA sedang berusaha mencari pasaran untuk pengeluaran ini, termasuk juga di negara-negara di Timur Tengah. Saya memohon supaya Ahli Yang Berhormat itu bersabar sedikit, kita berharap ketikanya akan sampai beliau akan melihat apa yang dilancarkan oleh pihak FAMA.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa beliau tidak bercadang untuk melaksanakan skim harga minima bagi hasil-hasil pertanian dalam negara kita kecuali padi. Saya ingin tahu apakah sebab-sebabnya beliau tidak mempunyai cadangan. Adakah beliau berpuas hati dengan harga-harga hasil tani yang ada di negara kita pada hari ini?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang Dipertua, tentu sekali pihak Kerajaan tidak berpuas hati melihat keadaan yang begitu sukar dialami oleh pihak para petani-petani di negara ini, itulah sebabnya pihak Kerajaan telah menubuhkan FAMA ini untuk menolong para-para petani. Sebagaimana yang kita sedia maklum, oleh kerana pasaran di luar negeri kita ataupun pasaran di negara lain begitu rendah harga koko dengan kelapa ini tentu sekali tidak menguntungkan pihak FAMA untuk membeli koko dan kelapa ini lebih tinggi harga dari pasaran antarabangsa. Jadi oleh kerana itu lebih baik kita sekarang

mengikuti pasaran yang telah kita alami di pasaran antarabangsa, kita tidak boleh membeli begitu mahal di Malaysia dan jual begitu murah di pasaran antarabangsa, ini kita akan mengalami kerugian yang besar.

Timbalan Yang Dipertua: Masa untuk jawab mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 17, 19 dan 21 adalah diberi di bawah ini).

SEKIM SUBSIDI NELAYAN KECIL

1. Datu Alfred Jabu Anak Numpang minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada jumlah subsidi perikanan laut ditambahkan untuk membolehkan para nelayan mendapat faedah yang sepenuhnya dari cara teknologi yang terbaik dan termoden.

Tuan Luhut Wan: Di bawah RME sejumlah \$53 juta telah diperuntukkan untuk skim subsidi nelayan kecil. Peruntukan ini adalah memadai untuk membantu nelayan-nelayan kecil di bawah skim ini bagi mempertingkatkan teknologi penangkapan ikan mereka. Walau bagaimanapun Kementerian Pertanian akan mengkaji dari masa ke semasa keperluan subsidi nelayan ini.

Di bawah skim subsidi ini, teknologi penangkapan ikan nelayan-nelayan kecil dapat dipertingkatkan melalui pemberian enjin-enjin kepada bot-bot tanpa jentera, mengganti enjin-enjin lama kepada enjin-enjin baru yang lebih ekonomi lagi sesuai dengan saiz bot dan cara tangkapan, menambahkan kecekapan menangkap ikan melalui pemberian pukot yang lebih sesuai dengan satu-satu kawasan tangkapan dan melalui pemberian peti air batu hasil tangkapan dapat dihindarkan daripada cepat busuk.

PEJABAT PELAJARAN DAERAH—DASAR PENUBUHAN

3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebab-sebab utama Kerajaan mengambil tindakan di setengah-setengah negeri, menubuhkan Pejabat Pelajaran Daerah, satu bagi tiap-tiap dua buah daerah diletak di bawah pengawasan seorang Pengarah Pelajaran Daerah. Apakah dasar sebenarnya mengenai perkara ini.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Untuk makluman Yang Berhormat, mulai 1-6-1982 sebanyak 57 buah Pejabat Pelajaran Daerah diwujudkan di Semenanjung Malaysia. Ada "Daerah Pelajaran" merangkumi kawasan satu daerah, ada yang merangkumi kawasan dua daerah dan ada negeri yang tidak mempunyai Pejabat Pelajaran Daerah.

Penubuhan Pejabat Pelajaran Daerah, seperti yang terdapat pada hari ini, adalah hasil kajian yang telah dibuat oleh tiap-tiap Pengarah Pelajaran Negeri di Semenanjung Malaysia mengenai bilangan sekolah di dalam tiap-tiap kawasan pentadbiran negeri serta jangkaan perkembangannya di masa akan datang. Berdasarkan bilangan sekolah yang sedia ada serta perkembangan yang dijangka, Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri memperakukan kepada Kementerian Pelajaran bilangan Pejabat Pelajaran Daerah di negeri masing-masing. Oleh itu terdapatlah setengah-setengah Pejabat Pelajaran Daerah yang mengawasi satu daerah pentadbiran sahaja, manakala yang lain mengawasi lebih dari satu daerah pentadbiran. Negeri-negeri seperti Melaka, Perlis serta Wilayah Persekutuan tidak diwujudkan Pejabat Pelajaran Daerah.

Penubuhan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah ini adalah didasarkan

kepada beberapa pertimbangan. Di antaranya ialah:

- (i) untuk meninggikan mutu pelajaran dan pembelajaran iaitu mengikut perakuan Jawatankuasa Kabinet;
- (ii) untuk mewujudkan pengurusan pendidikan yang lebih licin dan teratur;
- (iii) untuk penyeliaan yang lebih seponatan;
- (iv) untuk menentukan teresbar-nya kesan pelaksanaan dasar pelajaran Kebangsaan di peringkat tempatan;
- (v) untuk mewujudkan perhubungan dan koodinasi yang lebih teratur di antara Pejabat Pelajaran Negeri dengan sekolah-sekolah, dan sebaliknya di mana Pejabat Pelajaran Daerah akan memainkan peranan sebagai peringkat perantaraan;
- (vi) untuk meningkat prestasi profesionalism guru-guru;
- (vii) untuk merapatkan lagi perhubungan antara jentera Kementerian Pelajaran dengan masyarakat tempatan melalui Persatuan Ibu bapa Guru (P.I.B.G.);

(viii) untuk menentukan disiplin sekolah dan tenaga pengajar.

KAPAL TERBANG PEJUANG TUDM

17. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar bahawa Tentera Udara Malaysia baru-baru ini telah membeli dua buah kapal terbang jenis pejuang dari Kerajaan Singapura. Sekiranya benar, apakah sebab-sebab untuk berbuat demikian.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Jawapannya adalah tidak benar. Tentera Udara Malaysia tidak pernah membeli kapal terbang jenis pejuang dari Kerajaan Singapura.

KURSUS IJAZAH PERTAMA DI UNIVERSITI TEMPATAN

19. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah pelajar-pelajar yang mengambil Ijazah pertama ke atas, di kelima-lima Universiti tempatan dalam negara kita mengikut komposisi kaum di semua jurusan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Bilangan kemasukan pelajar-pelajar ke kursus Ijazah pertama pada sesi 1982/83 mengikut komposisi kaum dan jurusan di kelima-lima universiti tempatan adalah seperti berikut:

UNIVERSITI MALAYA

<i>Fakulti</i>	<i>Bumi</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Ekonomi Pentadbiran	182	156	38	4	380
Sastera	361	282	71	7	721
Undang-undang	57	32	8	2	99
Kejuruteraan	54	114	28	3	199
Pergigian	35	21	5	2	63
Perubatan	87	47	11	2	147
Sains/Sains dengan Pendidikan	291	182	45	6	524
JUMLAH ..	1,067	834	206	26	2,133

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

<i>Fakulti</i>	<i>Bumi</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Ekonomi	111	54	14	1	180
Pengurusan Perniagaan	95	30	8	2	135
Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan	300	163	44	1	508
Sains/Sains Perubatan	516	194	38	9	757
Sains dan Sumber Alam	35	2	5	—	42
JUMLAH ..	1,057	443	109	13	1622

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

<i>Fakulti</i>	<i>Bumi</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Ilmu Kemanusiaan	52	40	9	1	102
Kemanusiaan dengan Pendidikan ..	35	28	6	1	70
Sains Kemasyarakatan	75	56	11	2	144
Perumahan Bangunan dan Perancangan	40	35	5	1	81
Sains	103	111	27	3	244
Sains dengan Pendidikan	77	84	16	3	180
Sains Gunaan	47	23	8	1	79
Sains Farmasi	33	22	5	1	61
Doktor Perubatan	77	14	4	—	95
JUMLAH ..	539	413	92	13	1,057

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

<i>Fakulti</i>	<i>Bumi</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Perniagaantani	96	44	8	2	150
Ekonomi Sumber	42	14	4	1	61
Sains/Sains dengan Pendidikan	94	16	9	—	119
Alam Sekitar	25	6	3	—	34
Perubatan Veterinar	12	14	4	—	30
Perhutanan	10	14	1	—	25
Kejuruteraan Pertanian	27	8	5	1	41
Pertanian	59	35	6	1	101
Teknologi Makanan	18	13	2	—	33
Pembangunan Manusia	20	7	1	—	28
Pendidikan (Pertanian)	8	20	2	—	30
Pendidikan (Teknologi Rumahtangga)	8	17	2	—	27
Perikanan	35	2	1	—	38
Pendidikan (Jasmani)	27	9	4	—	40
Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)	60	4	1	—	65
Pendidikan (Peng. BM Sebagai Bahasa Pertama)	75	1	—	1	77
Pendidikan (Peng. Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua)	36	12	7	1	56
JUMLAH ..	652	236	60	7	955

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

<i>Fakulti</i>	<i>Bumi</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
Kejuruteraan Awam	81	21	5	1	108
Kejuruteraan Elektrik	58	18	4	1	81
Kejuruteraan Jentera	68	19	6	1	94
Kejuruteraan Laut	16	6	2	—	24
Kejuruteraan Petroleum dan Gas Asli	18	6	1	—	25
Ukur Tanah	19	8	1	—	28
JUMLAH ..	260	78	19	3	360

Bilangan kemasukan pelajar-pelajar untuk kursus lepasan ijazah bagi sesi 1982/1983 sedang dalam proses pengutipan. Walau bagaimanapun bilangan mereka yang mengikuti kursus-kursus bagi sesi 1981/1982 adalah seperti berikut:

UNIVERSITI MALAYA

KEMASUKAN PELAJAR-PELAJAR LANJUTAN SESI 1981/1982

<i>Peringkat dan Fakulti</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>					<i>Jumlah B.B.</i>	<i>Jumlah</i>
	<i>Bumi-putera</i>	<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>		
<i>Ijazah Kedoktoran</i>							
Ekonomi	1	—	—	—	—	1	1
Sastera	1	1	—	2	3	4	4
Pentadbiran	—	1	—	—	1	1	1
Sains	1	1	—	1	2	3	3
Perubatan	—	—	—	1	1	1	1
JUMLAH KECIL ..	3	3	—	4	7	10	
<i>Ijazah Sarjana</i>							
Ekonomi (Pentadbiran Awam)	10	4	4	3	11	21	21
Sastera	1	3	2	1	6	7	7
Pendidikan	22	16	6	3	25	47	47
Undang-undang	—	1	—	—	1	1	1
Sains	2	1	1	2	4	6	6
JUMLAH KECIL ..	35	25	13	9	47	82	

<i>Peringkat dan Fakulti</i>	<i>Bumi-putera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>				
		<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah B.B.</i>	<i>Jumlah</i>
<i>Diploma Lepas Ijazah</i>						
Perakaunan	2	3	—	—	3	5
Pentadbiran Awam	19	1	—	1	2	21
Pentadbiran Perniagaan ..	5	16	2	—	18	23
Pendidikan	242	247	55	5	307	549
Penterjemahan	9	—	—	2	2	11
Interprestasi Persidangan ..	1	1	1	—	2	3
Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua	17	35	14	4	53	70
Sains Komputer	1	8	2	—	10	11
JUMLAH KECIL ..	296	311	74	12	297	693
JUMLAH BESAR ..	334	339	87	25	451	785

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

KEMASUKAN PELAJAR-PELAJAR IJAZAH LANJUTAN SESI 1981/1982

<i>Peringkat dan Fakulti</i>	<i>Bumi-putera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>				
		<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah B.B.</i>	<i>Jumlah</i>
<i>Ijazah Kedoktoran</i>						
Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan	2	—	—	1	1	3
JUMLAH PH. D ..	2	—	—	1	1	3
<i>Ijazah Sarjana Master</i>						
Ekonomi	3	2	—	—	2	5
Pengajian Islam	1	—	—	—	—	1
Pengurusan Perniagaan ..	8	1	—	1	2	10
Perubatan	4	—	3	2	5	9
Sains	2	—	—	1	1	3
Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan	11	—	1	1	2	13
JUMLAH SARJANA ..	29	3	4	5	12	41

<i>Peringkat dan Fakulti</i>	<i>Bumi-putera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>				<i>Jumlah B.B.</i>	<i>Jumlah</i>
		<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>		
<i>Diploma</i>							
Pendidikan	117	28	10	6	44	221	
Kaunseling	40	6	1	—	7	47	
Pengajian Islam (termasuk sijil)	104	—	—	—	—	104	
Diploma Lanjutan Sains Komputer	4	—	—	—	—	4	
JUMLAH DIPLOMA ..	325	34	11	6	51	376	
JUMLAH BESAR ..	356	37	15	12	64	420	

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KEMASUKAN PELAJAR-PELAJAR IJAZAH LANJUTAN SESI 1981/1982

<i>Peringkat dan Fakulti</i>	<i>Bumi-putera</i>	<i>Bukan Bumiputera</i>				<i>Jumlah B.B.</i>	<i>Jumlah</i>
		<i>Cina</i>	<i>India</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>		
<i>Ijazah Kedoktoran</i>							
Sains Kemasyarakatan ..	—	1	—	—	1	1	
JUMLAH PH. D ..	—	1	—	—	1	1	
<i>Ijazah Sarjana Master</i>							
Sains Farmasi	—	2	—	—	2	2	
Sains Fizik	—	1	—	—	1	1	
Sains Gunaan	—	3	—	—	3	3	
Sains Kimia	1	1	—	—	1	2	
Sains Matematik	1	2	—	2	4	5	
Perumahan Bangunan dan Perancangan	2	4	—	—	4	6	
Ilmu Kemanusiaan	2	1	—	1	2	4	
Sains Kemasyarakatan ..	1	—	—	—	—	1	
Ilmu Pendidikan	1	—	—	—	—	1	
JUMLAH IJAZAH SARJANA ..	8	14	—	3	17	25	
JUMLAH BESAR ..	8	15	—	3	18	26	

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
KEMASUKAN PELAJAR-PELAJAR IJAZAH LANJUTAN SESI 1981/1982

Peringkat dan Fakulti	Bumi- putera	Bukan Bumiputera				
		Cina	India	Lain- lain	Jumlah B.B.	Jumlah
<i>Ijazah Kedoktoran</i>						
Kedoktoran Veterinar dan Sains Penternakan	2	—	—	—	—	2
Pengajian Pendidikan ..	1	—	—	—	—	1
Pertanian	2	—	—	1	1	3
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan	1	—	—	—	—	1
JUMLAH PH. D ..	6	—	—	1	1	7
<i>Ijazah Sarjana</i>						
Ekonomi Sumber dan Perniagaantani	1	—	—	3	3	4
Kedoktoran Veterinar dan Sains Penternakan	1	1	—	3	4	5
Pengajian Pendidikan ..	6	—	2	—	2	8
Perikanan dan Sains Samudra	1	—	—	—	—	1
Pertanian	1	1	—	—	1	2
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan	3	—	1	1	2	5
JUMLAH IJAZAH SARJANA ..	13	2	3	7	12	25
JUMLAH BESAR ..	19	2	3	8	13	32

**SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK
CURANGI BAYARAN
PENGANGKUTAN**

21. Tuan Oo Gin Sun minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa syarikat-syarikat Minyak seperti Shell dan ESSO Malaysia dituduh mencurangi bayaran pengangkutan kapal minyak pasaran tempatan dan dengan itu menghalang

dasar perkapalan negara ini, adakah langkah-langkah sedang diambil bagi mengawal amalan yang tidak sihat ini.

Dr Goh Cheng Teik: Soalan ini agak umum dan sukar hendak dijawab dengan tepat kecuali diberi butir-butir yang nyata. Kerajaan sedia menyiasat masalah ini sekiranya Ahli Yang Berhormat itu atau pihak-pihak lain dapat memberikan butir-butir yang lebih nyata.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, saya suka mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Ketujuh)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 22, B. 23, B. 24 dan B. 25 (Jadual)—

Maksud P. 22, P. 23, P. 24 dan P. 25 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menyambung jawapan.

3.36 ptg.

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Pengerusi, menyambung penjelasan saya mengenai pandangan-pandangan dan teguran-teguran terhadap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kelmarin, saya teruskan dengan masalah sukan yang mana cadangan daripada Yang Berhormat dari Hilir Padas mencadangkan penubuhan satu Yayasan Sukan Negara sebagai satu usaha meningkatkan mutu sukan negara. Cadangan ini amatlah baik dan saya percaya Kementerian akan mengkaji kemungkinannya walaupun Majlis Sukan Negara telah pun diwujudkan bahkan dari segi mutu sukan di samping pelbagai latihan dalam dan di luar negeri yang diberi kepada pasukan-pasukan kebangsaan ke arah meninggikan mutu sukan, pasukan-pasukan pelapis juga ditubuhkan.

Pada masa ini Kerajaan juga sedang merancang sebuah institut yang dinamakan 'Institut Sukan Negara' sebagai mengatasi segala kekurangan dalam perancangan sukan. Institut ini akan mengeluarkan pemimpin-pemimpin sukan yang cekap, jurulatih-jurulatih sukan yang berkalibar dan para athlik yang berprestasi tinggi. Ini adalah faktor-faktor penyumbang kepada mutu dan kejayaan dalam sukan berprestasi tinggi, baik di peringkat kebangsaan mahupun di arena antarabangsa. Tetapi seperti

yang dijelaskan kelmarin, Kementerian juga mempunyai 4 bahagian di bawah Jabatan Sukan di Kementerian, iaitu:

Bahagian Penggalakan Sukan;

Bahagian Perkhidmatan Sukan;

Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi; serta

Bahagian Penasihat Perubatan Sukan

di mana bukan sahaja kita menekan thema 'Sukan untuk Masyarakat' (Sports for All) tetapi juga menentukan peningkatan competitive sports atau high performance sports untuk sukan yang dapat mengharumkan nama negara yang justeru mencerminkan taraf physical fitness rakyat, bahkan lebih daripada itu.

Usaha-usaha peningkatan ini meliputi penyediaan program-program prasarana di semua peringkat negara, negeri dan daerah dengan projek-projek kompleks sukan seperti tapian gelanggang, stadium dan sebagainya serta usaha-usaha untuk kursus-kursus perkembangan bakat, kursus remaja, kursus kejurulatihan, kursus pendidikan jasmani, skim persijilan bahkan pembiayaan tertentu menerusi Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Negeri dan Daerah dan juga termasuk satu skim istimewa, iaitu skim perangsang di mana Kementerian memberi bantuan kepada ahli sukan yang berbakat sebanyak \$150 hingga \$250 sebulan seperti Misbun Sidek, Subramaniam dan Saik Oik Cam dan sebagainya, tetapi semuanya ini tidak mungkin juga memberi makna yang penuh kalau tidak sokongan-sokongan rakyat, sama ada individu atau kelompok secara sukarela, seperti persatuan-persatuan sukan FAM, BAM dan sebagainya.

Sumbangan-sumbangan seperti ini adalah lebih bermakna, lebih-lebih lagi untuk competitive sports, dengan izin, dan apatah lagi kalau tidak ada pula

tokoh-tokoh persatuan yang mengheret emosi dan politik dalam sukan sehingga mungkin akan menjejaskan sukan itu sendiri dan akhirnya perpaduan negara.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Tumpat yang telah juga memandang berat terhadap program-program belia kita. Kementerian telah memberikan pandangan istimewa terhadap belia sejak Kementerian ditubuhkan pada tahun 1964 kerana bukan sahaja belia merupakan lebih daripada 40% penduduk negara bahkan belia juga merupakan harapan negara dan apatah lagi dengan pengaruh penyalahgunaan dadah, pengaruh keruntuhan moral dan sebagainya maka 4 bahagian, dan dahulunya 5 bahagian, ditubuhkan di bawah Kementerian untuk mentadbir hal ehwal belia, iaitu:

- (1) Latihan dan Bimbingan yang menekankan latihan vokasional seperti Dusun Tua, Kuantan dan Kuala Terengganu; Kepimpinan di Pertak dan bantuan-bantuan untuk pusat-pusat belia di negeri-negeri seperti di Pahang dan sebagainya.
- (2) Pergerakan Belia yang menggalakkan pertubuhan-pertubuhan belia peringkat antarabangsa yang kini terdapat lebih kurang 70 pertubuhan belia di peringkat kebangsaan sama ada yang beruniform atau tidak beruniform. Di bawah bahagian ini juga program seperti pertukaran belia, Commonwealth Youth Programme di mana negara kita menyumbang 15,000 pound sterling setahun kepada persatuan pertubuhan ini, WAMY, MAYC dan dalam perancangan dengan pembiayaan negara-negara Arab kita akan tubuhkan muslim

Youth Camp dekat Pertak di Kuala Kubu Bharu dan lain-lain program lagi.

- (3) Pembangunan Ekonomi Belia—Bahagian ini mengendalikan program belia yang amat popular; antaranya Belia Niaga dengan peruntukan bagi penjaja kecil yang memodalkan belia \$1,500 seorang pemohon dan juga usahawan-usahawan belia yang sudah berkursus dengan Kementerian untuk mendapat pinjaman \$30,000 maksima bagi seorang dan juga Belia Peladang yang menggalakkan belia luar bandar mengusahakan tanah terbiar dan sebagainya.
- (4) Perpaduan Belia—Program ini ditumpukan kepada usaha-usaha asimilasi antara belia seperti belia kampung-kampung baru dan kampung-kampung biasa, belia-belia di sempadan negara dengan mengadakan work camps, kelas tarian kebudayaan dan sebagainya.

Kementerian bangga dengan usaha-usaha mengendalikan hal ehwal belia di negara ini sehingga Pengarah Belia Kementerian diundang sebagai resource person, dengan izin, oleh CYP untuk membantu negara-negara di Afrika menggubal peraturan dan pentadbiran belia di negara-negara tersebut. Namun demikian kita belum puas hati juga dengan usaha-usaha sehingga ini yang boleh dibuat oleh Kementerian.

Pandangan-pandangan dari Yang Berhormat dari Tanjong mengenai belia yang terjebak antara sedutan budaya urban drift, dengan izin, phenomena polarisasi belia dan sebagainya adalah pandangan-pandangan yang munasabah yang mendapat perhatian serius di Kementerian ini. Tetapi lebih penting dalam usaha Kementerian ini ialah

sikap setengah-setengah pihak lebih-lebih lagi Pembangkang, pelampau, racist dan musuh-musuh negara seperti komunis, anasir subversif dan sebagainya yang sentiasa meracuni fikiran belia kita yang menaburkan benih-benih ketakutan, kebencian, fitnah yang disengajakan, tidak ubah seperti taktik penjajah dengan 'gunboat diplomacy'—Mulut disuap pisang, buntut disuap onak. Polarisasi sengaja ditiupkan untuk 'divide and rule' masyarakat kita. Syukur alhamdulillah, rakyat lebih tahu apa yang mereka mahu untuk negara seperti terbukti dengan kemenangan gemilang bagi Barisan Nasional dalam pilihanraya umum baru lalu di mana anak-anak selepas merdeka telah mengundi dan mengundi Barisan Nasional. Yang tidak mengundi Barisan Nasional mungkin kerana telah dihasut oleh Pembangkang.

Harapan Kerajaan untuk belia begitu tinggi warisan negara sebagai satu-satunya sumber asli yang terpenting, lebih penting daripada bahan-bahan galian atau barangan dan pelaburan untuk belia oleh Kementerian ini mesti menjangkau peningkatan mutu belia kita bahkan ada saranan di negara-negara maju yang telah mula memikirkan national non-military service untuk belia, dengan izin. All young people should be channelled to serve full time for one or more years in meeting the need of the nation and the world community, dengan izin. Walaupun kita belum sampai ke tahap itu tetapi idea-idea mengenai non-military conscription, dengan izin, untuk belia telah mula difikirkan.

Tuan Pengerusi, kesimpulannya saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong cadangan peruntukan Kementerian ini walaupun ada suara sumbang yang sengaja buat-buat tidak tahu mengenai perlunya pembinaan budaya nasional bagi mewujudkan satu negara—Negara Malaysia; satu

bahasa—Bahasa Malaysia; satu bangsa—Bangsa Malaysia; satu kebudayaan—Kebudayaan Malaysia, kalau perlu secara terbimbing dan terarah.

Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kedua yang kita kasihi semasa merasmikan Kongress Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 telah beramanah, dengan izin, saya quote:

“Nenek moyang bangsa kita yang mendiami rantau nusantara ini meninggalkan pusaka kebudayaan yang kaya raya dan tinggi mutunya. Maka itu sudah sewajarnya kita menerima gagasan bahawa Kebudayaan Kebangsaan yang sedang dibentuk dan dicorakkan itu hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Bagaimanapun, patutlah juga kita mengambil unsur-unsur kebudayaan yang datang ke rantau ini dan membawa pengaruh-pengaruh yang bermanfaat dapat menyegarkan dan menentukan corak kebudayaan Malaysia bagi masa hadapan. Namun haruslah diingat dalam mencari bentuk dan menentukan corak Kebudayaan Kebangsaan, kita tidaklah melupakan hakikat masyarakat kita yang berbilang bangsa, the reality of our multi-racial society. Kita hendaklah sentiasa berpandu kepada cita-cita membentuk satu negara di mana rakyatnya dari berbagai kaum dan golongan dapat dijalin dalam satu ikatan yang padu. Saya percaya selagi kita sedar dan insaf akan hakikat ini kita tidak akan menggelencong dari matlamat mendirikan bangsa yang bersatu.”

Tuan Pengerusi, saya yakin dengan wasiat Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak itu kita

akan sedar betapa pentingnya satu negara, satu bangsa, satu budaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$34,044,100 untuk Maksud B. 22; \$2,943,500 untuk Maksud B. 23; \$4,296,500 untuk Maksud B. 24 dan \$4,590,400 untuk Maksud B. 25 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$34,044,100 untuk Maksud B. 22; \$2,943,500 untuk Maksud B. 23; \$4,296,500 untuk Maksud B. 24 dan \$4,590,400 untuk Maksud B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$17,951,300 yang disebutkan dalam Maksud P. 22; \$580,010 untuk Maksud P. 23; \$1,604,030 untuk Maksud P. 24 dan \$986,020 untuk Maksud P. 25 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$17,951,300 untuk Maksud P. 22; \$580,010 untuk Maksud P. 23; \$1,604,030 untuk Maksud P. 24 dan \$986,020 untuk Maksud P. 25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 26 (Jadual)—

Maksud P. 26 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 26 dan Kepala Pembangunan P. 26 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

3.50 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):
(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I rise to participate in the debate on the estimates for the Ministry of Defence wherein this House has been requested to approve a sum of \$3,888 million being development and ordinary expenditures for the Ministry for next year and I wish to refer to Maksud B. 26, Butiran 1100, Programme (1) Defence Administration and (2) Armed Forces Services, page 257.

Malaysia faces threats to her security from external forces such as from the Soviet backed Vietnam in the north and from within the Malaysian Communist Party (MCP), Filipino refugees in Sabah and illegal Indonesian immigrants.

On 11th November, 1982, the Deputy Defence Minister told this House that non-bumiputras were not interested in serving in the Armed Forces. However, the Deputy Minister did not give reasons why non-bumiputras were not interested in joining the Armed Forces. Has a study been made to ascertain why non-bumiputras are not keen in joining the Armed Forces to help in the defence of the nation? Such a study is essential as the defence of the country is the responsibility of all Malaysians. If non-bumiputras are not keen in joining the Armed Forces then steps must be taken to find out the reasons and they should be encouraged to join the Armed Forces.

As citizens we must all have 100% commitment and loyalty to Malaysia and in this respect there is a need for Malaysians to change their outlook. For instance, there is an aversion among the Malaysian Chinese to join the Armed Forces as the Chinese saying goes, "good iron does not become nails, good lads do not become soldiers". I feel this is an outmoded concept which must be abandoned for

the defence of the country. It is equally the responsibility of all citizens of all races.

A matter of much concern is the preponderance of one race in our Armed Forces. This is not only unhealthy but runs counter to the New Economic Policy's second prong which seeks to eliminate the identification of race with economic functions. A cursory examination of our Armed Forces shows how lopsided our Armed Forces is in terms of racial representation. Steps must be taken to multi-racialise the Armed Forces which could be in furtherance of the New Economic Policy in eliminating the identification of race with vocation. The Government talks of restructuring society but has not done enough to restructure our Armed Forces.

I would also urge the Government to be fair in the various promotion exercises conducted in the Armed Forces. Promotions must be on merit. Good officers, especially non-Malays, should not be sidestepped in terms of promotion.

The DAP also calls on the Government to introduce compulsory National Service where every Malaysian youth must spend at least two years in the National Service to acquire training to equip themselves to defend Malaysia. This will also serve the equally important objective of providing an ideal opportunity for youths of all races to live and work together to develop greater Malaysian consciousness and identity as well as to keep them away from the dadah menace.

I also urge the Government to tighten up discipline in the Armed Forces. Brawls involving Armed Forces personnel, the Police and the public take place quite frequently and these only seek to conform the view that discipline is lax in the Armed Forces. I hope that this matter could be

looked into. I also hope ragging, especially involving physical violence, would be stamped out in the Armed Forces.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Matang.

3.54 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Pengerusi, di sini saya ingin bercakap dan berbahas serta menyokong di atas peruntukan Kementerian Pertahanan, Maksud B. 26 muka surat 257, Butiran 1200 Aktiviti 1-5 dan Maksud P. 26 muka surat 260.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menerang dalam masalah fungsi pertahanan di mana pertahanan adalah satu perkara yang mustahak bagi sesebuah negara yang sedang membangun. Di sini ingin saya bercakap mengenai Kementerian Pertahanan ini iaitu Kementerian Pertahanan perlu mengadakan satu dasar yang dinamakan "Dasar Pertahanan Negeri" (National Defence Policy) supaya strategi pertahanan negara Malaysia ini dapat dirancang untuk satu jangka masa panjang dan dengan perancangan ini strategi pertahanan jangka panjang Malaysia dapat diup-datedkan. Misalnya seandainya pertahanan negara kita lemah maka dengan mudah segala anasir-anasir anti-nasional terutamanya daripada golongan komunis sama ada Maoist atau Leninist atau serba anika komunis yang cuba hendak mengambilalih negara ini dan sebagaimana yang kita sedia maklum peristiwa sejak daripada 1948 sehingga kepada hari ini masih ada lagi anasir-anasir komunis yang sedang bemaharajalela di negara ini. Dalam masalah ini saya ingin menekankan

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Silakan!

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa baru semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan ada berkata di Sungai Buluh bahawa pertambahan kegiatan komunis barulah satu petunjuk (show of defiance) dan tidak sedikitpun mengancam keselamatan negara ini. Itulah ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Wakil dari Kota Melaka. Tetapi saya rasa Wakil dari Kota Melaka itu harus sedar apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, bukan Perdana Menteri tetapi Timbalan Menteri Pertahanan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Timbalan Menteri Pertahanan itu dalam satu segi tetapi apa yang kita daripada pihak Kerajaan termasuk saya sendiri, saya bukan ahli tentera, bukan seorang ahli perisik, tetapi anasir-anasir ini memang ada bahkan di Kuala Lumpur sendiripun ada melalui persatuan-persatuan seperti persatuan-persatuan kebudayaan dan juga lain-lain lagi. Maka dengan sebab inilah saya ingin memperkatakan dan Wakil dari Kota Melaka harus sedar; kita lihat negara-negara seperti Thailand, Filipina dan Indonesia mereka memperbanyakkan peruntukan di segi pertahanan kerana mereka ini sedar bahawa ancaman-ancaman daripada komunis sedang mengancam terutamanya daripada sebelah utara iaitu daripada sebelah Vietnam. Saya rasa Wakil dari Kota Melaka harus sedar mengenai masalah ini.

Tuan Pengerusi, di sini ingin saya memperkatakan dalam masalah kebajikan angkatan tentera, yang pertama dalam masalah perumahan tentera. Ramai daripada kalangan-kalangan tentera kita yang tinggal di rumah-rumah setinggan yang mana mereka ini telah tidak dapat rumah-rumah berek. Ramai di antara mereka ini tinggal di rumah-rumah setinggan atau dengan menyewa rumah-rumah setinggan terutamanya di sekitar Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping, Johor Bahru dan juga di lain-lain tempat di mana adanya kem-kem tentera.

Tuan Pengerusi, kebanyakan rumah-rumah flet dan berek-berek tentera adalah terlalu sempit dan tidak sesuai atau secukupnya kata orang Indonesia bagi mereka ini yang mana kebanyakan anggota-anggota tentera yang pun mempunyai isteri-isteri dan anak-anak yang banyak, khasnya kepada anggota-anggota tentera yang berpangkat rendah. Di segi kemudahan-kemudahan pelajaran kepada anak-anak anggota tentera begitu kurang sekali. Saya cadangkan agar Kementerian Pertahanan mengadakan sekolah-sekolah yang mempunyai asrama-asrama dikhaskan untuk anak-anak tentera kita. Untuk pengetahuan, Tuan Pengerusi, bahawa ramai daripada anggota-anggota tentera kita khasnya anggota-anggota berpangkat rendah yang menghadapi kesulitan dalam masalah-masalah pelajaran anak-anak mereka. Misalnya, apabila anggota-anggota tentera kita pergi operasi di hutan-hutan mereka selalu memikirkan masalah anak-anak mereka di segi pelajaran dan juga di segi keselamatan dan di segi seorang tentera yang berdisiplin, mereka tentulah kurang minat untuk berdepan dengan musuh seandainya Kementerian Pertahanan tidak mengambil perhatian yang serius terhadap mereka ini dalam masalah-masalah kebajikan pelajaran anak-anak mereka.

Tuan Pengerusi, di segi pengangkutan pula yang menggunakan truck-truck ataupun dengan dipanggil 'feri' yang membawa anak-anak anggota tentera kita itu tidak bersesuaian dan tidak memuaskan. Adalah kiranya agar truck ataupun feri ini digantikan dengan bas-bas sekolah untuk anak-anak anggota tentera ini agar keselesaan anak-anak yang hendak ke sekolah itu dapat dijamin ataupun yang paling baik Kementerian Pertahanan harus sedar agar sekolah-sekolah yang dikhaskan untuk anak-anak tentera ini didirikan berhampiran dengan kem-kem tentera ataupun di dalam kem-kem itu sendiri sebagaimana yang dibuat di Kem Terendak di negeri Melaka. Juga patut diperhatikan agar masalah kemunduran pelajaran anak-anak tentera kita dapat diatasi. Di Universiti-universiti dan di pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita ini kita dapati tidak sampai 10% pun daripada penuntut-penuntut daripada kalangan anak-anak anggota tentera kita.

Di sini ingin saya memberi jumlah keramaian anak-anak anggota tentera yang sedang belajar di pusat-pusat pengajian tinggi yang mana dapat saya selidiki baru-baru ini. Satu daripadanya di Universiti Pertanian Malaysia ada cuma seramai 33 orang sahaja daripada jumlah seramai 3,000 orang penuntut yang mana keramaian tentera kita kalau tidak salah saya hampir-hampir 100,000 orang yang mana kalau dijumlahkan anak dan isteri hampir-hampir 500,000 orang. Di Universiti Malaya misalnya ada cuma 17 orang daripada jumlah seramai 6,000 orang penuntut. Di Universiti Sains Malaysia cuma seramai 27 orang daripada seramai 4,000 orang penuntut-penuntut. Inilah yang mendukacitakan walhal anggota-anggota tentera kita adalah yang menjadi benteng pertahanan negara kita. Ini untuk pengetahuan Ketua Pembangkang kerana merekalah yang kita dapat hidup dengan aman, jangan

kita mempersoalkan dalam masalah pertahanan negara. Ini pun saya rasa sedikit. Saya rasa terlalu sedikit kalau dibandingkan dengan setengah-setengah negara yang sedang membangun. Tetapi dalam masalah ini Pembangkang tidak pernah mempersoalkan atau memperjuangkan hak-hak tentera. Selalunya mempersoalkan tidak adanya satu kaum untuk memasuki angkatan tentera.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya minta jalan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia minta jalan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Nanti dulu, Tuan Pengerusi. Tadi, Ketua Pembangkang telah mengganggu saya bercakap, jadi saya oleh kerana masa 15 minit saya minta tambah lagi lima minit, itu dibenarkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kita daripada DAP hanya menghemat, membaca dan berfikir dan mempunyai kesedaran dari segi strategi sahaja dengan keperluan kelengkapan dan strategi angkatan tentera negara kita. Saya akan sebutkan kalau Tuan Pengerusi mengizinkan saya berucap dalam masa 20 minit akan datang.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih wakil dari Kepong, dia ini sahabat saya.

Tuan Pengerusi, dalam masalah kebajikan tentera sama ada tentera darat, sama ada tentera laut, sama ada tentera udara mereka ini Kementerian Pertahanan seharusnya mengambil perhatian dan mengambil berat supaya kebajikan mereka ini diperhatikan dengan begitu serius oleh kerana semasa saya pergi ke Gerik dua bulan yang sudah, dalam tinjauan saya di segi tentera-tentera kita yang bertugas di sempadan dan juga di lebuhraya yang mana saya lihat setengah daripada

anggota tentera kita ini berpakaian celorong-celorong yang koyak-rabak dan saya bertanya kepada mereka mengapakah perkara ini berlaku? Dan saya tinjau daripada anggota tentera kita iaitu daripada peringkat rendah, mereka mengatakan ini adalah dalam masalah kelambatan logistik. Jadi, saya minta Kementerian Pertahanan agar di pihak logistik itu diperkemas dengan seberapa segera.

Dalam masalah kebajikan anggota-anggota tentera haruslah Kementerian Pertahanan mengambil perhatian yang begitu berat dan serius. Kem-kem tentera banyak yang tidak sesuai. Misalnya di sempadan ataupun di jalan lebuhraya Timur Barat yang mana kem-kem mereka itu cuma dapat diperbuatkan daripada zinc dan dinding pun dibuat daripada zinc. Apabila kita memasuki ke dalam khemah mereka itu kita rasa begitu panas sekali.

Jadi dalam masalah ini bagaimana perasaan seorang Angkatan Tentera yang hendak mempertahankan negara ini daripada anasir-anasir musuh-musuh negara seandainya mereka sendiri yang bersifat lemah. Segi makanan begitu juga. Haruslah diperbaiki lagi. Sekiranya makanan mereka tidak begitu sempurna, bagaimana rasa sebagai seorang tentera ataupun bagaimana hendak menjadi seorang tentera yang berdisiplin, yang sihat tetapi saya rasa, saya percaya anggota-anggota tentera kita di negara ini memang sihat-sihat belaka walaupun kita sedar di segi kelengkapan begitu kurang memuaskan tetapi saya berharap kepada Kementerian Pertahanan supaya alat-alat kelengkapan tentera diperbanyakkan dan dipermodenkan. Begitu juga kepada anggota-anggota tentera kita supaya diperbanyakkan dan juga disiplinkan mereka itu supaya menjadi sebagai seorang tentera yang benar-benar berjiwa untuk mempertahankan negara ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu dalam masalah latihan kepada pegawai-pegawai dan juga kepada rekrut-rekrut. Di sini saya ingin memperkatakan agar Kementerian Pertahanan mengubah sikap latihan kepada rekrut-rekrut dan juga kepada pegawai-pegawai tentera ini secara ala-Malaysia yang mana pegawai-pegawai dan juga rekrut-rekrut di negara kita ini kebanyakannya dilatih secara penjajah British yang mana secara pegawai-pegawainya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa ada dua minit lagi ini dengan masa tambahan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bercakap tidak banyak oleh kerana diganggu oleh pihak Pembangkang DAP tadi, itu saya sudah minta, Tuan Pengerusi. Jadi, dalam masalah ini saya berharap kepada Kementerian Pertahanan supaya menyedari hakikat yang sebenarnya. Kita selalu kadang-kadang mempersoalkan atau menanya kepada pihak pegawai-pegawai sahaja, apa salahnya, cuba kita tinjau daripada grass-root, daripada rank and file, daripada bawahannya, baharu kita tahu bagaimana hakikat tentera-tentera kita.

Dari segi latihan—semasa latihan sama ada pegawai ataupun rekrut hendaklah diasoh dalam segi ugama supaya mereka itu, tentera-tentera kita menjadi orang-orang yang beriman kepada Allah s.w.t. Kita tidak mahu lihat anggota-anggota tentera kita terlibat dalam masalah dadah dan minuman-minuman yang haram di segi ugama Islam yang mana kita lihat ramai di antara tentera-tentera kita yang terlibat dalam masalah minuman arak dan juga dadah. Ini adalah satu cara yang akan menjatuhkan moral tentera kita. Contohnya, di Vietnam, bagaimana tentera Amerika yang begitu gagah tetapi akhir-akhirnya

mereka kalah dengan tentera-tentera Vietcong yang mana tentera-tentera Vietcong cuma menggunakan senjata-senjata yang lama tetapi oleh kerana semangat dan dedikasi oleh tentera-tentera Vietcong mereka dapat mengalahkan tentera-tentera Amerika yang begitu gagah. Kerana apa, kerana tentera-tentera Amerika ini tidak ada disiplin, kerana mereka ini terlibat dalam masalah dadah.

Jadi, saya rasa inilah sahaja yang dapat saya bercakap dalam masalah bekalan Kementerian Pertahanan dan saya menyokong di atas peruntukan Kementerian Pertahanan yang berjumlah sebanyak \$3,888 juta itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

4.15 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya juga turut serta untuk menyokong iaitu membincangkan perbekalan peruntukan bagi Kementerian Pertahanan B. 26, Maksud Bekalan 26, Butiran 2700 iaitu Bekalan dan Bahan-bahan.

Saya menyentuh perkara-perkara mengenai Bekalan dan Bahan-bahan ini adalah kerana memikirkan kebajikan anggota-anggota tentera yang mempertahankan negara kita.

Yang pertamanya, ialah mengenai makanan iaitu seperti yang kita tahu keadaan makanan seperti yang disebutkan juga oleh Yang Berhormat dari Matang tadi adalah tidak memuaskan. Ini adalah perkara lama yang sepanjang masa dibincangkan tetapi setelah salah seorang Menteri Pertahanan beberapa tahun dahulu membuat pemeriksaan menjejut ke atas bekalan makanan yang diberikan kepada tentera dan cara tender yang ditukarkan dari centralised tender kepada tender yang dipecah-pecahkan mengikut kawasan didapati keadaan

makanan yang diberikan kepada tentera adalah bertambah baik. Tetapi agaknya pemeriksaan mengejut itu telah kalau tidak silap saya berlaku tiga tahun dahulu maka itulah keadaan-keadaannya yang telah merosot semula dan diharaplah pihak Kementerian Pertahanan dapat melaksanakan tugasnya mengawasi bahawa keadaan ini tidak bertambah buruk lagi.

Keduanya, ialah mengenai pakaian seragam. Mengikut kebiasaan seperti yang difahamkan bahawa pakaian seragam tentera ini ditukar 6 bulan sekali. Tetapi seperti yang telah disentuh juga oleh Yang Berhormat dari Matang tadi beliau sendiri melihat bahawa tentera kita dengan pakaian celorong-celorengnya yang koyak rabak, kerana saya dapat tahu juga bahawa pada masa ini pemberian pakaian seragam untuk ditukar tidak tertentu. Ada kalanya anggota tentera ini agaknya kerana tidak tahan memakai pakaian yang telah begitu lusuh ataupun koyak, mereka terpaksa membeli sendiri kain jenis terylene pakaian seragam tentera itu kerana kalau menunggukan bekalan, mungkin tidak tentu bila sampainya.

Begitu juga mengenai kasut. Ketahanan kasut yang dipakainya bergantung kepada berapa banyaknya dipakai—digunakan dan dilasak. Jadi, kalaulah tentera yang bertugas di dalam hutan, kalau kasut itu biasanya dipakai di Kuala Lumpur agaknya boleh tahan setahun, mungkin kalau di dalam hutan 4 bulan sahaja lama tahannya. Jadi, oleh kerana itu diharaplah bahawa perkara-perkara seperti ini juga mendapat perhatian, kerana kalaulah keselesaan bagi anggota tentera ini tidak memuaskan mereka sudah tentulah moralnya akan turun. Besar juga kemungkinannya masalah kekurangan bekalan pakaian ini adalah seperti masalah makanan juga di mana agaknya centralised tender menjadi masalah. Dan sekiranya keadaan ini benar-benar

berlaku adalah diharap sangat bahawa pihak Kementerian Pertahanan dapat membetulkan keadaan ini.

Satu perkara lagi iaitu Butiran 2800 Penyelenggaraan dan Pembaikan. Ramai yang mengetahui dan berpendapat bahawa workshop tentera sendiri memang mempunyai kemampuan dengan kakitangan yang terlatih, dengan keadaan-keadaannya bagi memperbaiki selalu kenderaan-kenderaan tentera supaya kenderaan-kenderaan ini berada dalam keadaan yang baik sepanjang masa kerana keperluan menggunakan kenderaan tentera ini adalah bila-bila masa juga dalam keadaan kecemasan diperlukan. Tetapi difahamkan ada juga berlaku keadaan penyelenggaraan dan pembaikan ini dibuat di luar workshop tentera sendiri melalui cara tender. Ini didapati mengendalakan kerja dari segi masa dan kedapatan juga alat ganti yang dibekalkan tidak mencukupi bagi kerja-kerja disiapkan dengan segera.

Bersabit dengan tatatertib, tingkahlaku terutamanya anggota tentera yang beragama Islam, rasa saya disiplin dalam bidang ini adalah sangat perlu. Di mess-mess tentera apakah perlunya mesti diadakan minuman-minuman keras dan keadaan ini biasanya berlaku di kalangan pegawai-pegawai tinggi tentera yang sepatutnya menjadi contoh tauladan kepada mereka yang dipimpin. Di manakah letaknya konsep Kerajaan pimpinan melalui tauladan?

Bagi Maksud Pembangunan 26 ini, Butiran (Projek) 10-Pusat Latihan Bekas Tentera di Sungai Buloh, jumlah yang diperuntukkan bagi Pusat Latihan ini pada pendapat saya adalah tidak mencukupi kerana projek ini amatlah perlu disebabkan ianya adalah untuk membantu memulihkan kehidupan bagi anggota-anggota tentera yang akan bersara. Mengapa kita menekankan keperluan ini ialah untuk membalas jasa mereka yang telah

memberikan khidmat 22 ke 25 tahun, selama setengah daripada umur mereka kepada mempertahankan negara dan menjaga keselamatan kita semua. Pusat Latihan Bekas Tentera ini adalah sangat baik tetapi didapati bahawa kursus-kursusnya adalah terhad kepada beberapa bidang sahaja iaitu mengenai senjata, tukang kayu, mesin dan membaiki kereta.

Kita tahu bahawa pihak Kementerian Pertahanan ada juga mengadakan dengan izin, attachment selama enam bulan kepada anggota-anggota tentera enam bulan sebelum mereka bersara. Saya mendapati bahawa attachment selama enam bulan ini adalah membazir kerana latihan ini tidak memberikan hasil yang berkesan.

Semasa attachment enam bulan anggota tentera ini mendapat gaji penuh dan selepas enam bulan anggota tentera ini berlatih seringkali tidak boleh menjalankan tugas kerja-kerja yang sepatutnya dipelajari selama enam bulan itu dan seringkali juga selama enam bulan itu ada pula di antara mereka bercuti sahaja, mengambil gaji enam bulan tetapi tidak pergi berlatih di tempat yang ditentukan secara attachment tadi. Yang untungnya ialah pihak yang menerimanya iaitu kalau mereka pergi betul-betul ke situ, pihak majikan yang menerima ini mendapat seorang pekerja percuma selama enam bulan. Oleh kerana itu adalah dicadangkan supaya Pusat Latihan Bekas Tentera yang ada di Sungai Buloh ini diperluaskan dan jenis-jenis kursusnya juga ditambah kerana hasil dari kursus ini didapati lebih berfaedah kepada bekas-bekas anggota tentera ini kerana ada penyeliaan yang tertentu, adanya pengajaran yang tertentu dan disiplin serta pengawasan.

Kita juga mengetahui bahawa ada Kementerian Pertahanan mengusahakan, mencarikan kerja bagi anggota tentera yang akan bersara.

Usaha-usaha ini selama ini tidak begitu berkesan. Sebaik-baiknya usaha mencarikan kerja ini biarlah lama sebelum mereka ini bersara iaitu dalam tempoh enam bulan itu mestilah sedapat-dapatnya. Sungguhpun kita tahu tidaklah 100% dapat Kerajaan menolong tetapi biarlah usaha pertolongan ini berkesan.

Pertolongan cara-cara lain juga patutlah diberi, misalnya diberikan peluang kepada lebih ramai bekas anggota tentera dalam rancangan-rancangan tanah Kerajaan.

Tuan Pengerusi, berdasarkan keperluan-keperluan ini, pada pendapat saya peruntukan yang ada dalam Anggaran Belanjawan ini bagi Butiran (Projek) 10 adalah tidak mencukupi. Dan akhir kata, saya turut serta menyokong peruntukan Belanjawan bagi Kementerian Pertahanan B. 26 dan P. 26 ini untuk tahun 1983.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelutong.

4.25 *ptg.*

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya sentuh kepada Maksud Bekalan B. 26, muka 257, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Pertahanan (Defence Administration) dan Perkhidmatan Tentera (Armed Services).

Tuan Pengerusi, parti saya DAP telah membuat seruan kerap kali untuk mengenalkan Perkhidmatan Kebangsaan (National Service) yang wajib. Perkhidmatan Kebangsaan akan menjadi perkhidmatan tambahan bagi tentera-tentera jikalau ada berlakunya pertempuran. Kerajaan tidak boleh menganggap sebarang pertempuran tidak akan berlaku. Kuasa-kuasa Barat tidak akan memberi bantuan ketenteraan seperti di masa yang lampau dengan sebab kekurangan minat mereka dalam hal-hal rantau ini.

Tuan Pengerusi, adalah sukar hendak difahamkan bahawa Kerajaan tidak menerima Perkhidmatan Kebangsaan wajib seperti yang berlaku di Singapura. Ramai negara-negara yang memperkenalkan Perkhidmatan Kebangsaan wajib itu. Menteri Pertahanan sepatutnya menerangkan kepada orang ramai sebab-sebab beliau tidak mengenakan Perkhidmatan Kebangsaan wajib bagi warganegara yang sihat. Dengan sebab pengangguran dan tarikan dadah, dengan sebab frustrasi belia dalam negara ini dibazirkan. Kerajaan mesti menggantikan skim Rukun Tetangga yang gagal dengan langkah-langkah lain untuk mencapai tujuan yang sama. Banyak peruntukan telah dibazirkan dengan skim itu dilanjutkan.

Pembaziran peruntukan am yang tidak perlu berlaku dengan melangsungkan skim itu. Skim itu tidak disokong oleh orang ramai di negara ini. Tuan Pengerusi, Kerajaan sedang cuba mengubahsuai skim Rukun Tetangga dengan tidak menghapuskan skim itu untuk kepentingan maruah Kerajaan sendiri. Kerajaan mesti bersedia untuk mengaku maklumat yang benar. Tuan Pengerusi, Perkhidmatan Kebangsaan boleh menampung tugas-tugas 'vigilante' yang sekarang diharapkan dari skim Rukun Tetangga.

Ramai lagi bukan bumiputra hendaklah dimasukkan dalam Angkatan Bersenjata. Ini adalah satu langkah untuk menjamin belia kita dapat pekerjaan dan ianya adalah selaras dengan itu dapat didisiplinkan. Tak perlu dikatakan ahli-ahli Angkatan Tentera Bersenjata mesti ada mempunyai sikap disiplin. Majoriti Budget kita itu adalah untuk pertahanan.

Tuan Pengerusi, tidak boleh berlaku lagi ragging tentera seperti dalam kes ragging yang nampaknya mengakibatkan dalam kes mendiang

Lt. Muda (Udara) Sugudev di markas TUDM di Kuching pada bulan Julai tahun ini. Campur gaul di antara Seniors dan Freshies boleh difahamkan tetapi pertemuan seperti itu semestinya tidak dikenakan ragging hingga menyebabkan seorang meninggal dunia, dan perkara ini adalah perkara serius memandangkan kepada fakta ahli-ahli Angkatan Tentera mesti ada mempunyai sikap disiplin yang ketat. Kerajaan mestilah mengkaji hal ragging bertentera itu untuk menggalakkan kejadian seperti itu dalam masa hadapan.

Tuan Pengerusi, saya diberitahu pada awal bulan ini seorang pembawa kereta bermotor telah dipaksa berhenti apabila memandu di atas Lebuhraya Timur-Barat oleh seorang ahli Angkatan Bersenjata dengan tujuan mendapat pertolongan pemandu itu untuk membawa rakan mereka ke hospital. Tuan Pengerusi, pemandu itu juga diikuti oleh isterinya. Suaminya berasal dari Kota Bharu. Pemandu itu bermurah hati dan memberi pertolongan tetapi apabila mereka sampai ke kawasan hutan rimba, mereka dipaksa memandu kereta mereka ke dalam hutan.

Tuan Pengerusi, si situ ahli Angkatan Bersenjata itu telah mengarahkan pemandu itu mengikat kedua-dua tangan isteri pemandu itu, ahli Angkatan Tentera itu membawa pemandu itu ke dalam hutan, di situ mereka diberitahu bahawa mereka hendak dirompak, ditembak mati dan merogol isteri pemandu itu. Pemandu itu juga diarahkan memanggil isterinya. Apabila isteri pemandu itu tidak menjawab, ahli tentera itu mencari wanita itu dan kemudian pemandu itu telah dapat menyelamatkan diri, isteri beliau juga dapat melarikan diri sebelum itu dan telah pun dapat menumpang kereta orang lain.

Tuan Pengerusi, saya diberitahu pemandu itu telah membuat laporan di Balai Polis Gerik. Saya juga maklum

satu lagi peristiwa seperti itu juga berlaku pada hari yang sama di tempat yang sama. Perkara ini sangat serius, Tuan Pengerusi. Saya telah memanggil pihak polis dan pegawai-pegawai angkatan tentera menyiasat dengan teliti pengaduan yang dibuat oleh pemandu itu. Ahli-ahli Angkatan Tentera Darat diharapkan dapat menyelamatkan orang-civillian, bukan menyerang mereka. Peristiwa yang berlaku itu adalah sungguh memalukan kita.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kluang.

4.33 ptg.

Tuan Quah Wee Liam (Kluang): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan atas peruntukan Kementerian Pertahanan.

Di sini saya ingin menyentuh tentang muka surat 260, Maksud P. 26, Butiran 2—Kelengkapan, iaitu 2 (iv) Stor Khas. Tuan Pengerusi, oleh kerana saya mewakili kawasan Kluang, saya terpaksa membangkitkan perkara ini untuk perhatian pihak yang berkenaan. Baru-baru ini Bahagian Tentera Darat telah menyempurnakan pembinaan sebuah Depoh Peluru dan Bahan-bahan Letupan (Ammunition Depot) bertempat di bandar Kluang. Depoh itu dibina berhampiran dengan kawasan perumahan dan empat buah sekolah adalah terletak tidak jauh darinya. Pihak tentera tentunya sedar bahawa Depoh tersebut adalah menjadi tumpuan serangan utama oleh musuh-musuh ataupun anasir-anasir yang jahat apabila berlakunya perang atau kekacauan. Dalam pada itu saya ingin mengetahui sama ada satu kajian yang mendalam telah ataupun tidak dijalankan sebelum projek pembinaan Depoh tersebut dimulakan. Adakah

Depoh berkenaan dibina semata-mata kerana tapak tanah yang diusahakan adalah dikhaskan untuk Kementerian Pertahanan? Tidakkah merbahaya bagi penduduk-penduduk di kawasan perumahan yang tinggal berhampiran dengan Depoh tersebut? Adakah Kerajaan bercadang membina lebih banyak lagi depoh menyimpan peluru dan bahan-bahan letupan di seluruh negara yang akan didirikan berdekatan dengan kawasan-kawasan perumahan? Sekiranya ada, saya merayu agar keputusan itu dikaji semula demi untuk keselamatan orang ramai.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya menyokong di atas peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pertahanan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

5.35 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membangkitkan enam perkara yang mengenai pandangan strategi, Maksud Bekalan 26, mukasurat 257, Butiran 1100, Aktiviti 5.

Tuan Pengerusi, pada tempoh hari negara kita telah melantik Tun Hussein Onn menjadi Ketua Institut Pengajian Strategi. Satu langkah yang bagus dan perlu diambil kerana Institut Pengajian Strategi adalah suatu institut yang penting untuk mengkaji dari segi semua pertimbangan strategi sama ada dalam hasil-hasil strategi ataupun dari kegiatan tentera di sekitar Asia Tenggara. Tuan Pengerusi, sehingga sekarang kita tidak dapat tahu siapakah lagi yang akan menjadi anggota Institut Pengajian Strategi itu dan adakah semua orang yang dapat memberi sumbangan yang besar kepada strategi di negara kita ini telah ditawarkan menjadi anggota Institut tersebut?

Saya percaya jikalau kita hendak menjayakan institut itu, kita tidak boleh menyekat keanggotaannya kepada bekas Jeneral sahaja, kerana banyak orang lain lagi yang dapat pengetahuan dan kemahiran pengajian strategi itu. Dengan adanya Institut Pengajian Strategi kita dapat mengadakan satu garis panduan dan pedoman untuk Angkatan Tentera kita. Misalnya, saya beri satu contoh, apakah garis panduan untuk membeli alat-alat kelengkapan tentera di negara kita. Jikalau kita hendak membeli satu kapal induk, untuk kapal terbang-kapal terbang seperti **Roosevelt**, kapal induk **Roosevelt**. Ini memerlukan perbelanjaan lebih daripada \$30 billion. Jadi itu lebih daripada jumlah anggaran perbelanjaan bagi Belanjawan negara kita pada tahun 1983 iaitu lebih daripada \$28 billion, itu tidak termasuk kos pengendalian dan alat-alat ganti dan sebagainya. Jadi kalau berbanding dengan peruntukan bagi bekalan Kementerian Pertahanan ini cuma \$3.8 billion sahaja. Ini 10 kali ganda lebih daripada peruntukan untuk Kementerian Pertahanan pada tahun hadapan. Jadi ini bermakna kita tidak mampu untuk membeli kapal induk **Roosevelt** ataupun kapal yang seumpama itu.

Dengan itu saya hendak sentuh muka surat 260, P. 26, Butiran (2). Tuan Pengerusi, pada tempoh hari Kementerian Pertahanan telah memesan ataupun membeli kelengkapan-kelengkapan moden seperti kereta-kereta perisai, kereta-kereta kebal dan kapal terbang pejuang jet seperti 88 buah Skyhawk yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan dua tiga minggu yang lalu. Dengan pemesanan ataupun pembelian alat-alat tentera tersebut, adakah alat-alat yang telah kita beli, telah kita pesan itu akan menjadi alat-alat ketinggalan zaman apabila kita dapat menerimanya kelak. Itu soal yang penting.

Soal yang kedua, setelah kita menerima alat-alat tentera tersebut adakah kita mempunyai kakitangan-kakitangan mahir yang boleh menggunakan alat-alat tersebut dengan cekap dan berkesan.

Soalan yang ketiga, adakah benar selepas kita menerima kapal terbang-kapal terbang pejuang Jet Skyhawk tersebut pada suatu hari-kelak barulah Kementerian Pertahanan sanggup menghantar kakitangan-kakitangan untuk latihan bagi menggunakan kapal terbang-kapal terbang skyhawk.

Soalan yang keempat, dengan langkah-langkah jimat-cermat yang perlu diambil pada ketika ini, adakah semua alat-alat kelengkapan tentera yang telah kita beli itu benar-benar sangat diperlukan oleh negara kita.

Yang kelima, untuk menghadapi musuh mana kita adakan alat-alat yang kononnya moden itu? Menghadapi Indonesia? Thailand? Singapura? Ataupun kita takut tentang pencerobohan Filipina? Tetapi pada pendapat saya pihak Filipina tidak mampu menghantar askar-askarnya melalui kapal ataupun kapal terbang memasuki negara kita.

Soalan yang terakhir, adakah kita takut kerana pemulihan subversion dalam negeri. Jadi saya berharap pihak Timbalan Menteri Pertahanan akan menjawab soalan saya.

Tuan Pengerusi, bagi tahun 1971, Kementerian Pertahanan pernah membeli 56 buah kereta-kereta perisai daripada Syarikat Amerika dan 44 buah kereta perisai daripada Syarikat Peranchis dan harga 44 buah kereta perisai daripada Peranchis itu kalau berbanding dengan bilangan kereta yang sama daripada Amerika Syarikat lebih mahal jumlah \$1.6 juta, dan kemudian selepas kereta-kereta perisai itu digunakan daripada 44 buah kereta perisai daripada Peranchis itu

dalam dua tahun 33 rosak sama sekali dan selepas diperbaiki dengan belanja yang lebih daripada \$120,000 dan sebagainya hanya 26 daripadanya dapat dibaiki, tinggal 6 buah lagi. Daripada 6 buah itu sekarang ini kita pun tidak dapat tahu, hilang lenyap sama sekali. Jadi, pada tahun 1971 jumlah \$10 juta dibiayai untuk kereta-kereta perisai tersebut, kesan dan hasil serta kegunaan kereta-kereta tersebut sudah tidak memuaskan.

Tuan Pengerusi, mengenai muka surat 259, Maksud B. 26, Butiran 2600. Setakat ini Angkatan Tentera kita tidak mempunyai Majallah Ikhtisas Angkatan Tentera. Ini adalah satu kelemahan yang harus diperbaiki. Saya menyeru agar Kementerian Pertahanan dapat menerbitkan suatu Majallah Ikhtisas Angkatan dengan serta-merta kerana sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan.

Saya ingin menyentuh muka surat 257, Maksud B. 56, Butiran 1100, Aktiviti (4)—Latihan.

Tuan Pengerusi, kita ada Maktab Turus Angkatan Tentera di KEMANTAN dan juga Maktab Pertahanan Angkatan Tentera tidak lama lagi mungkin akan wujud Maktab Tentera bagi Jeneral-jeneral, tetapi malangnya Maktab Turus Angkatan Tentera, perpustakaanannya sangat menggelikan hati kita, kecil bilangan bukunya kalau berbanding dengan koleksi persendirian pun tidak boleh lagi. Kerana itu saya menyeru agar Timbalan Menteri Pertahanan mengambil langkah yang positif dengan seberapa segera untuk memperbaiki keadaan yang begitu menyesak kita.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, muka surat 257, Maksud B. 56, Butiran 1100, Aktiviti (1).

Pada ketika ini Tuan Pengerusi, saya menyebutkan tentang kenaikan pangkat di Angkatan Tentera. Saya tidak menemui pegawai-pegawai

ataupun lain-lain ahli-ahli Angkatan Tentera, tetapi kerana saya pernah berkhidmat dalam Kor Perubatan dan Pergigian dalam Angkatan Tentera, kerana itu saya mempunyai perasaan yang dapat memahami kekecewaan dan ketidakpuasan ahli-ahli Angkatan Tentera. Di Dewan yang mulia ini mungkin ada juga bekas Angkatan Tentera ataupun sekurang-kurangnya ada ahli-ahli dari RMC juga, saya berharap mereka akan mempunyai perasaan samalah dengan saya, sekurang-kurangnya dari segi strategi.

Saya mendapat tahu mungkin kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai dan pegawai-pegawai tidak bertauliah kadangkala tidak berdasarkan kepada jasa, pengalaman dan kecekapan, cuma mungkin di atas pilih kasih ataupun bulu sahaja. Sebab itu saya berharap pihak Kementerian akan menyiasat dengan teliti sama ada yang saya sebutkan tadi benar ataupun tidak. Tetapi suatu hakikat bagi orang-orang bukan Melayu dari segi fighting job hanya terdapat satu Mejar Jeneral sahaja iaitu Mejar Jeneral Selvarajah, tidak ada Lt. Jeneral bukan Melayu. Ini adakah bermakna tidak ada orang-orang bukan Melayu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dr Tan Seng Giaw: 2 minit lagi. Yang tidak mampu untuk menjadi Lt Jeneral ataupun Jeneral? Sebab itu, saya menyeru supaya pihak Kementerian Pertahanan dapat mengubahsuaikan kelemahan itu, supaya kenaikan pangkat bagi Angkatan Tentera berdasarkan kepada jasa, ketekunan, kecekapan dan pengalaman sahaja.

Akhir sekali saya menyedari tentang hakikatnya, kita baru mencapai pengayuh orang sudah sampai ke seberang. Oleh itu memandangkan peruntukan bagi Kementerian Pertahanan lebih daripada \$3.8 billion, saya menyeru Menteri dan Timbalan

Menteri Pertahanan supaya menjawab soalan-soalan saya dari segi penghematan, pembacaan, fikiran dan kesedaran strategi bukan hanya dari segi sentimen politik demi untuk kepentingan rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Dungun.

4.50 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, sebagai menokok dan menambah kawan-kawan daripada Barisan Kerajaan yang telah menyokong di atas permintaan peruntukan Kementerian Pertahanan ini, ingin saya menyentuh 2-3 perkara di dalam Butiran 1100, Aktiviti 1, 2, 4 dan 5 mengenai berbagai-bagai perkara.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah disebut oleh beberapa orang Ahli tadi bahawa keamanan negara ini adalah amat bergantung kepada kekuatan pertahanan yang dilaksanakan oleh Kerajaan kita sendiri, kekuatan pertahanan dalam negara kita sekarang ini bolehlah kita anggarkan di sekitar 150,000 orang dan ini apabila kita banding dengan musuh utama negara kita, iaitu komunis, bilangan ataupun kekuatan Angkatan Tentera atau pertahanan kita begitu besar sekali. Bolehlah saya membuat satu andaian angka, kekuatan komunis yang berada di utara Semenanjung dan di sekitar sempadan Thailand lebih kurang 2,500 orang dan rasionya kalau kita bandingkan kekuatan Tentera tadi ialah 1:60. Jadi kalau kita kira-kira seorang komunis yang kalau kita tumpukan tenaga pertahanan kita 60 orang memanglah dalam masa yang sekejap sahaja komunis tidak akan ada di negara kita, tetapi hal ini tidak begitu jadinya. Jadi, saya merasa bahawa ada sesuatu yang masih boleh kita perbaiki di dalam Dasar Pertahanan Negara kita ini untuk

melengkapkan ataupun untuk menjadikan Dasar Pertahanan Negara kita ini benar-benar satu dasar yang boleh menjamin keamanan negara. Yang paling nyata saya nampak ialah di bidang perisikan kerana kalau kita kira-kira sekejap sahaja satu-satu langkah yang hendak dibuat oleh Kerajaan, satu-satu rencana yang hendak dijalankan oleh Kerajaan, satu-satu pengumuman yang dibuat oleh Kementerian Pertahanan ataupun Menteri Pertahanan, satu-satu statement mengatakan bahawa negara kita aman, begitu-begini, sekejap komunis sudah masuk, komunis sudah ambush di satu-satu penjuru negara kita ini, Angkatan Tentera kita diserang oleh komunis. Jadi ini saya merasa bahawa ada semacam kebocoran di dalam hal perisikan di dalam negara kita ini.

Oleh hal yang demikian, saya mengesyorkan kepada Kementerian Pertahanan agar diperbaiki latihan ataupun sistem perisikan di negara kita ini. Tentunya anggota-anggota perisikan ini terdiri daripada berbagai-bagai kaum, walaupun anggota-anggota perisikan kita ini terdiri daripada berbagai-bagai kaum hendaknya prestasi mereka, tumpuan dan minat mereka, taat setia, tanggungjawab mereka hendaklah kepada negara ini, bukan mewakili mana-mana kaum. Dengan cara yang demikian saya merasa, insya Allah, cara-cara kita mengawal akan dapat diperbaiki dan dengan itu juga pertahanan negara kita akan lebih licin lagi daripada masa-masa sekarang ini.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Masalah yang kedua yang saya hendak sentuh, Tuan Pengerusi, ialah mengenai moral Angkatan Tentera kita. Menurut bancian (survey) yang dibuat sama ada oleh Cawangan Khas, Polis dan berbagai-bagai lagi Angkatan

Tentera kita terlibat dengan dadah, tinggal lagi angkanya agak rendah sedikit daripada sektor-sektor yang lain. Walaupun angkanya rendah, saya memikirkan bahawa oleh sebab Pasukan Tentera ataupun Angkatan Pertahanan kita ini ialah satu agensi di mana terletaknya keamanan negara kita, jadi tidak seharusnya Angkatan Tentera kita terlibat dengan perkara-perkara seperti dadah ini. Selain daripada Angkatan Tentera kita sebagai manusia biasa barangkali terlibat dengan perkara-perkara seperti arak dan lain-lain. Oleh yang demikian, saya berseru kepada Kementerian Pertahanan agar diambil satu cara yang lebih baik untuk menjaga moral, menjaga kesopanan, menjaga kesusilaan Angkatan Tentera kita di masa akan datang. Satu daripada caranya ialah latihan jasmani Angkatan Tentera itu sendiri hendaklah diperluaskan di semua kontingen yang ada di seluruh negara kita ini. Program-program seperti judo, silat dan sebagainya itu bolehlah diambil sebagai satu program untuk memenuhi cadangan saya ini dan sebagai untuk hendak melaksanakan dasar "Pandang ke Timur", bolehlah program-program ini kita alih ke Korea umpamanya, dengan mengambil jurulatih daripada Korea untuk melatih pasukan-pasukan kita di dalam perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu juga, Tuan Pengerusi, saya juga menyarankan di dalam masalah hendak memantapkan moral Angkatan Tentera ini hendaknya program-program keagamaan, program-program kesedaran rohani kepada Angkatan Tentera itu hendaklah diperbanyakkan dari semasa ke semasa, sempena dengan sambutan-sambutan yang sesuai dengan Angkatan Tentera kita sama ada Hari Tentera Laut, Hari Tentera Udara, Hari Angkatan Polis dan berbagai-bagai lagi yang boleh kita jalankan. Dan hendaknya semasa

mengadakan sambutan-sambutan ini perkara-perkara yang agak bertentangan dan bercanggah dengan lunas-lunas ke Islam hendaklah kita jauhi sama sekali. Dengan berbuat demikian, saya yakin dan percaya semangat, jiwa dan azam Angkatan Tentera kita akan lebih tinggi, akan timbullah semangat untuk hendak mempertahankan negara ini kerana negara, bukanlah kerana pendapatan semata-mata.

5.01 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Maksud B. 26 muka surat 237, Butiran 1100 mengenai Program (1), (2), (3), (4) dan (5) dalam peruntukan Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, kita semua tahu ataupun kita semua maklum bahawa kemakmuran negara kita ini adalah terletak kepada kestabilan politik dan keamanan negara. Kestabilan politik telah pun tercapai di mana Kerajaan Barisan Nasional telah dapat kita tubuhkan dan kita akan jalankan. Tetapi ketenteraan kita. Maka dengan sebab itulah saya menyokong penuh anggaran perbelanjaan untuk Kementerian Pertahanan ini bahkan dalam perbincangan mengenai Belanjawan keseluruhannya tempoh hari saya telah menyuarakan supaya peruntukan Kementerian Pertahanan ini ditambah dari setahun ke setahun.

Tuan Pengerusi, tadi saya ada mendengar ucapan daripada Wakil dari Jelutong yang menyarankan supaya Kementerian Pertahanan menjalankan Perkhidmatan Kebangsaan (National Service) yang wajib dan juga Wakil itu ada membangkitkan tentang soal seorang Leftenan Muda yang telah meninggal kerana diragging di Malaysia Timur, di Sarawak kalau tidak silap saya, dan perkara ini juga telah dibangkitkan

oleh Ketua Pembangkang, iaitu Wakil dari Kota Melaka dalam pertanyaannya di dalam Dewan yang mulia ini sehinggakan Timbalan Menteri Pertahanan tidak perlu menjawab soalan itu oleh kerana perkara itu adalah di dalam siasatan mahkamah. Tetapi Wakil dari Kota Melaka telah mencabar Menteri-menteri, telah mencabar Perdana Menteri dan kecekapan Kerajaan pimpinan 2M tidak cekap, tidak amanah dan tidak bersih dan mencabar supaya demokrasi Parlimen ini ditutup sahaja ataupun Parlimen ini tidak diadakan.

Saya rasa cabaran yang seumpama itu sangatlah keterlaluan kerana pihak Perdana Menteri, Menteri-menteri kita yang bertanggungjawab dan Kerajaan kita yang bertanggungjawab sentiasa memberi peluang kepada kita semua Ahli-ahli Parlimen untuk membahaskan setiap apa jua perancangan yang dirancangan oleh Kerajaan kita. Saya cuma tahu satu sahaja cara jalan untuk menyampaikan tujuan Wakil dari Kota Melaka itu supaya Parlimen kita ini ditutup iaitu dengan mengingati sejarah peristiwa hitam tahun 1969 di mana kemenangan pihak parti Pembangkang pada masa itu agak 50:50, perarakan telah dibuat dan ini telah menyentuh perasaan hati dan semangat rakyat dan pihak komunis telah mengambil kesempatan daripada tindakan parti Pembangkang itu dan kita dapati dengan peruntukan Perlembagaan yang ada pada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong maka Parlimen kita telah dibubarkan dan Kerajaan MAGERAN telah ditubuhkan dengan Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Haji Abdul Razak sebagai Pengarah MAGERAN dan pada masa itu tentera-tentera telah memainkan peranan untuk mengamankan negara ini. Jadi, kalau sekiranya Wakil dari Kota Melaka itu inginkan Parlimen ini ditutup silalah parti Pembangkang buat

perarakan yang boleh menyalurkan Parlimen ditutup dan MAGERAN dijalankan sekali lagi.

Tuan Pengerusi, Wakil dari Jelutong tadi ada juga menyebut iaitu daripada parti Pembangkang DAP berkehendakkan Perkhidmatan Kebangsaan yang wajib dilaksanakan. Saya telah pun menyuarakan perkara ini kepada Kementerian Pertahanan supaya bertindak tegas, jangan sekali-kali mengikut desakan daripada Pembangkang ini oleh kerana saya katakan bukanlah kita tidak boleh mengadakan Perkhidmatan Kebangsaan yang wajib kepada seluruh warganegara kita terutama kepada belia-belia kerana kita tahu belia adalah menjadi warganegara sebanyak 60% di dalam negara Malaysia ini tetapi yang kita bimbangkan ialah ada di antara belia-belia kita itu yang menjalankan anasir-anasir subversif, anasir-anasir komunis, anasir-anasir anti-nasional yang sentiasa bergerak di dalam hutan dan juga di dalam bandar-bandar. Ini kita dapat buktikan dengan adanya tangkapan-tangkapan komunis, tangkapan-tangkapan oleh anti-nasional yang berlaku sama ada oleh Polis ataupun yang berlaku dalam masa tentera menjalankan tugas di mana tentera telah dapat menyerang hendap pasukan-pasukan komunis di sempadan. Di dalam negeri Perak sendiri, negeri saya, umpamanya ada berlaku tentera-tentera telah dapat menawan pihak komunis tetapi yang didapati bekalan makanan didapati daripada bandar-bandar, rakyat di dalam bandar sendiri yang membekalkan makanan untuk komunis. Jadi, inikah caranya kita hendak mengadakan satu Perkhidmatan Kebangsaan yang wajib kepada seluruh belia-belia kita?

Saya percaya seperti kata Wakil dari Jelutong tadi kalau berlaku keadaan huru-hara di dalam negeri ini tentera-tentera daripada negara-negara Barat tidak akan datang untuk menolong

kita. Saya tidak perlu pertolongan daripada tentera-tentera Barat dan saya minta kepada Kementerian Pertahanan supaya mengadakan kerjasama ketenteraan untuk mempertahankan negara ini dengan negara-negara jiran, umpamanya negara Singapura yang begitu terlatih dengan nasihat ketenteraan daripada Israel. Singapura mengambil nasihatnya daripada Israel dan saya tidak tahu Kementerian Pertahanan kita mengambil nasihat tentera daripada mana, dan kalau perlu lagi diambil pertahanan bersama daripada negara Indonesia. Angkatan ABRI Indonesia adalah paling kuat di Asia Tenggara ini, selalulah berhubung dengan Angkatan Tentera Indonesia dan berpakatlal baik-baik. Kita tidak takut musuh daripada luar ataupun dari dalam tetapi sebarang musuh yang cuba mengambil tindakan untuk merampas negara kita yang sangat kita cintai, yang sangat kita sayangi kerana kalau kita lihat di dalam negara Malaysia kita ini, tidak ada negara yang seperti Malaysia ini. Mari kita menjelajah ke seluruh negara dalam dunia ini, mana ada satu negara diperintah oleh tiga bahasa—ada Menteri Melayu, ada Menteri China, ada Menteri India.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat bercakap di atas perbekalan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Ya, saya bercakap dari segi itulah.

Tuan Pengerusi: Di atas butir-butirnya, bukan di atas dasar.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Baik, Tuan Pengerusi. Di dalam Parlimen ini sendiri pun terdiri daripada semua kaum dapat mewakili rakyat untuk menjalankan demokrasi dengan adanya keamanan yang telah dijaga oleh tentera kita, termasuk orang Iban, orang Dayak, orang Benggali pun ada, semuanya ada dalam Dewan ini oleh kerana kemakmuran, kestabilan dan

keamanan. Ini patut kita sanjung tinggi tetapi kita sendiri tidak sedarkan diri. Kalau kita balik ke negeri asal-usul kita, nikmat yang kita dapat seperti ini tidak ada, tak usah cakaplah, tak usah “buallah”, kata orang Perak. Tidak percaya tinggalkanlah negeri ini, balik ke negeri masing-masing, kalau tidak berjalan kaki jawabnya. Tak usaha kata hendak pakai Mercedes, hendak pakai BMW, hendak kereta besar berhawa dingin dan sebagainya, berjalan kaki menjual sirih, percayalah. Ini saya capak terus terang, kalau ada di antara kita, baik Melayu, saya tidak kira, kalau ada orang Melayu, orang Cina atau India atau apa bangsa yang tidak sanggup mengikut dasar Kerajaan 2M ini dengan segala hormatnya banyak lagi pulau dalam Selat Melaka yang masih kosong, buatlah negeri masing-masing, jangan tinggal dalam Kerajaan 2M ini. Saya tidak tekankan orang Cina sahaja. Orang Melayu sendiri, ada di antara orang Melayu yang derhaka kepada Kerajaan kita yang tidak sedarkan diri yang dahulu merempat keadaan hidupnya tetapi hari ini dengan senang-lenang langsung tidak berterima kasih kepada Kerajaan kita yang telah mencapai kemerdekaan selama 25 tahun. Bukan hendak kata sokong terima kasih pun tidak. Fikirkanlah Ahli-ahli Yang Berhormat yang bijaksana.

Tuan Pengerusi, saya sangat berharap kepada Kementerian Pertahanan ini oleh sebab Kementerian-kementerian lain ada memberi taklimat, tolonglah beri taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen, khususnya Barisan Nasional sahaja. Saya sangat teringin hendak melihat alat-alat tentera, sudahkah dibeli meriam peluru berpandu, itu mesti saya hendak lihat adakah tidak. Senarai pegawai-pegawai yang bertugas siapa dia, saya ingin sangat melihat keadaan kelengkapan tentera kita sama ada dari segi pentadbiran, dari segi alat dan sebagainya.

Mengenai disiplin, ini memang benarlah marwah angkatan tentera patut dijaga, bukanlah semua pegawai seperti mana kata Wakil dari Kuala Selangor tadi yang minum minuman keras dan sebagainya, bukan semua, ada seorang berdua sahaja, tak apa-apalah. Ini dunia mesti ada berlaku jahat dan baik. Kalau tidak, tiadalah neraka dan syurga, tiadalah penjara di Pudu.

Saya berkehendakkan supaya disiplin diperkuatkan kepada angkatan tentera kita kerana saya tahu komunis ini bermacam-macam cara dia cuba. Dia sudah kalah dengan cara hendak mengambil negara ini dengan bersenjata, mereka menggunakan dadah untuk disogokkan kepada tentera kita. Kalau umpamanya tentera kita lemah kerana sukanya perempuan, perempuan-perempuan yang muda, anak dia sendiri dia serahkan kepada Jeneral-jeneral itu supaya dia dapat rahsia ketenteraan kita. Ini memang, dasar komunis macam itu, dia mengkaji apa kelemahan orang Melayu. Kalau orang Melayu lemah berkenaan dengan duit, wang akan disogokkan dengan beratus-ratus ribu, bila sudah diberi beratus-ratus ribu dia cari jalan supaya dia dituduh rasuah. Tetapi yang memberi dia juga. Yang memberi tidak kena, yang menerima kena. Ini sebenarnya bukan perkara rasuah dan sebagainya tetapi cara-cara komunis hendak merosak dan membunuh politik orang Melayu, pemimpin orang Melayu. Inilah kerja komunis. Harus pihak tentera berhati-hati menjalankan disiplin yang kuat, jangan diterima sogokan wang, jangan diterima sogokan perempuan, jangan diterima sogokan dadah, barulah tentera kita akan tegap dan kuat untuk mempertahankan negara ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang penting saya sebutkan untuk akhirnya oleh kerana tidak mencukupi masa, kerana saya ini kalau dibiarkan bercakap, tiga jam pun ada lagi bahan

saya. Biar saya bercakap perkara yang akhir iaitu saya minta kepada Kementerian Pertahanan mengkaji dan menimbangkan tentang layanan atau bayaran kepada tentera-tentera kita yang cedera yang saya dapat tahu umpamanya cedera daripada perangkap-perangkap samar, tiada kaki, tiada tangan, hilang mata dan sebagainya tolonglah timbangkan baik-baik kerana mereka ini ada anak dan isteri. Setelah mereka ini kena dengan jerangkap samar yang sungguh-sungguh menyedihkan, saya berharap Kementerian Pertahanan dapat memberikan layanan yang baik demi untuk kehidupan anak isteri mereka yang azab atau sengsara yang diterimanya itu adalah kerana pengorbanannya kepada negara dan sebagainya. Kita apalah sangat, sudah jadi ahli politik, sudah jadi Ahli Yang Berhormat, bercakap sahaja pandai tetapi yang teruknya ialah tentera. Kita ini saya sungguhlah berasa insaf bahawa kita yang banyak mendapat nikmat kesenangan daripada negara ini tetapi yang mendapat sengsara dan susah adalah tentera-tentera, polis dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, dengan harapan itu saya menyokong penuh di atas Perbelanjaan yang diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Pengerusi, ada beberapa pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan tadi bagi Kementerian saya. Pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional saya dapati sangat membina dan Kementerian saya akan mengambil ingatan dan

mempertimbangkan dengan sewajarnya. Tetapi malangnya, ada juga beberapa pertanyaan yang tidak bernas yang datangnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang yang mana kebanyakan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan adalah berulang kali cerita lama. Ini mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat itu kehilangan modal yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut sama mengambil bahagian di dalam perbahasan sebentar tadi bagi Kementerian saya. Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan itu, namun demikian kepada perkara-perkara yang tidak sempat saya menjawabnya, Kementerian saya akan mengkaji dan mempertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, ingin saya mengambil kesempatan di sini untuk membuat penjelasan mengenai tuduhan yang tidak berasas oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka semasa beliau berucap ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1983 dan Anggaran Pembangunan 1983 dalam Jawatankuasa Majlis ini berkenaan dengan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri pada hari Selasa 9hb November, 1982 berhubung dengan soalan beliau kepada Kementerian saya berkenaan dengan kes "ragging" Sugudev serta tindakan am yang diambil berkaitan dengan ragging dalam angkatan tentera. Keengganan saya menjawab soalan beliau atas kes ini adalah masih *sub judice*, dan Peraturan Mesyuarat 23 (1) (g) memang tepat untuk maksud tersebut. Tetapi malangnya beliau menuduh saya tidak cekap dan tidak tahu tentang tanggungjawab portfolio

saya. Saya tidak dapat menerima dakwaan yang tidak berasas itu dengan alasan saya tidak menjawab bahagian kedua soalan beliau tadi.

Tuan Pengerusi, jikalau kita kaji dengan teliti soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu berkaitan dengan kes ragging Sugudev ini maka beliau menggunakan perkataan serta tindakan am yang diambil berkenaan dengan ragging dalam angkatan tentera. Pada pendapat saya jawapan soalan ini akan menjadi sub judge sekiranya peguambela pegawai-pegawai yang didakwa itu menanyakan cara-cara ragging di dalam tentera darat dan laut. Saya juga berpendapat bahawa untuk menegakkan keadilan tidak wajar bagi saya untuk menerangkan perkara-perkara yang bersabit dengan hal ini.

Yang Berhormat dari Kota Melaka yang selalu menekankan keadilan, soalan tersebut tidak sepatutnya dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, melainkan jikalau dia membezakan anggota angkatan tentera dan menyokongnya dalam soal keadilan. Saya menganggap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah seorang yang bijak dan waras, kecuali sebaliknya. Juga saya berpendapat sebagai seorang ahli politik, beliau sepatutnya sentiasa mengikuti perkembangan hal-ehwal semasa di negara kita ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia minta penjelasan.

Tuan Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Mustapha: Saya tidak ada masa, Tuan Pengerusi. Bersabit dengan ragging dalam Angkatan Tentera, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri

Pertahanan telah memberi arahan yang tegas seperti yang telah dilaporkan di dalam TV, radio, dan akhbar-akhbar tempatan dengan menggunakan tajuk-tajuk berita yang besar, dengan izin, headlines mengenai hal ini dan saya berpendapat tidak perlu bagi saya menjawab soalan ini oleh kerana perkara ini telah diketahui oleh umum melalui siaran-siaran seperti yang saya sebutkan tadi di mana orang biasa sekalipun telah memahami. Saya tidak faham mengapa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka suka menggunakan Dewan yang mulia ini untuk menyoalkan perkara-perkara yang sudah diketahui oleh umum dan saya percaya oleh beliau sendiri, melainkan saya telah tersalah anggap akan kepintaran beliau, sepertimana yang saya sebutkan awal tadi. Adalah lebih baik dan bermanfaat sekiranya Dewan yang begini mulia dan agung digunakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya ahli-ahli dari parti Pembangkang untuk membincangkan perkara-perkara yang berguna untuk negara dan rakyat keseluruhannya dan tidak untuk kepentingan politik persendirian, khususnya ahli-ahli dari DAP. Kalaulah Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak mengikut perkembangan hal-ehwal semasa, ini membuktikan bahawa beliau tidak cekap sebagai seorang Ketua Pembangkang, seperti kata sebuah syair Arab: "Wahai kawan yang runcing tanduk, janganlah cuba menyedok bukit, bukit disedok tidak akan tunduk, hanya kepalamu yang akan sakit!" (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi, pertanyaan Yang Berhormat dari Sandakan menyatakan berkaitan dengan kaum bukan Melayu dalam angkatan tentera adalah berkekurangan dan beliau mencadangkan supaya diadakan Kerahan Tenaga. Untuk menjawab soalan beliau, saya telah difahamkan oleh pegawai-pegawai tinggi angkatan tentera yang berketurunan China

bahawa kepercayaan orang-orang zaman dahulu di negeri China bahawa adalah satu kehinaan jika sekiranya anak-anak lelaki mereka berkhidmat sebagai seorang askar ataupun pasukan keselamatan. Mereka telah menerangkan kepada saya bahawa mengikut sejarah negeri China yang dulunya ditakluk oleh pihak asing, misalnya, Genghis Khas keturunan Mongol dari pandangan orang-orang bumiputera, orang-orang asli negeri China, mereka memandang hina anak-anak lelaki mereka yang menjadi anggota tentera yang pada mereka kepunyaan penjajah. Anak-anak mereka ini dianggap pengkhianat dan pendurhaka kepada bangsa dan tanahair mereka sendiri. Kepercayaan ini sudah menjadi amalan turun-temurun sehingga ke hari ini mengikut pegawai tentera tersebut. Betul atau tidak betul cerita ini, Tuan Pengerusi, terpulanglah kepada mereka yang menyangkakan bahawa Kementerian Pertahanan tidak mengambil berat berkenaan dengan soal ini.

Sebagaimana yang telah saya sebut berulang-ulang kali di Dewan yang mulia ini, Kementerian saya sentiasa membuka peluang kepada semua rakyat Malaysia yang cintakan tanahair untuk menyertai pasukan angkatan tentera, tetapi sayangnya, sambutan dari kalangan bukan bumiputera, menyertai angkatan tentera adalah terlalu sedikit jikalau dibandingkan dengan kaum Melayu ataupun kaum bumiputera, khasnya. Kementerian saya telah pun dan sentiasa berusaha untuk menarik minat golongan bukan bumiputera untuk menyertai angkatan tentera melalui berbagai-bagai saluran seperti sebaran am, radio dan TV, Jabatan Penerangan, pamiran-pamiran dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat itu dan juga Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengesyorkan diadakan Kerahan Tenaga. Tuan Pengerusi, dari pengalaman negara-negara asing Kerahan Tenaga bukanlah merupakan

cara yang paling baik untuk membentuk satu angkatan tentera yang efisien, kosnya juga adalah terlalu tinggi dibandingkan dengan sistem pengambilan sukarela yang kita amalkan sekarang. Sistem yang kita amalkan sekarang adalah difikirkan satu sistem yang paling baik dan Kerajaan masih lagi belum bercadang untuk mengadakan Kerahan Tenaga.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Matang dan Yang Berhormat dari Tanjung Karang membangkitkan masalah kebolehan angkatan tentera membaiki kenderaan tetapi menggunakan kontrek luar bagi membaikinya. Sejauh mana yang diketahui oleh saya, tidak ada kontrek membaiki kereta dengan syarikat luar bagi kenderaan biasa. Pada masa sekarang terdapat beberapa jenis workshop yang menjalani kerja-kerja pembaikan iaitu:

- (1) Workshop kecil di kawasan operasi untuk membaiki kerosakan kecil;
- (2) workshop medan untuk membaiki kerosakan sederhana;
- (3) workshop pusat untuk kerja-kerja besar.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan juga Yang Berhormat dari Matang pun ada menimbulkan berkenaan dengan pakatan angkatan tentera. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pertukaran pakaian dilakukan bila-bila diperlukan, bukanlah menunggu enam bulan sekali baru bertukar pakaian anggota angkatan tentera.

Yang Berhormat dari Matang membangkitkan soal ramai tentera tinggal dalam rumah setinggan dan menyewa rumah setinggan, flet-flet yang berhampiran dengan Kuala Lumpur dan bandar-bandar yang besar di negara kita. Kementerian sedang

mengambil tindakan untuk membina rumah kelamin di kem-kem tentera di mana rumah-rumah tidak mencukupi.

Selain daripada ini Kementerian sedang membeli rumah-rumah pasangiap (pre-fab housing) daripada sektor swasta untuk memenuhi "shortfall", rumah kelamin. Mengenai flet-flet yang terlalu sempit—Kementerian sedang mengkaji reka bentuk flet-flet tersebut dan ini akan diimplimentasikan untuk flet-flet baru yang akan dibina kelak.

Yang Berhormat dari Matang pun ada membangkitkan berkenaan dengan kem tentera yang ada di sempadan dan lebuhraya Timur Barat. Beliau menyatakan kem ini tidak sesuai.

Tuan Pengerusi, kem yang ada disempadan dan di lebuhraya kebanyakan adalah kem operasi (operational camps) untuk keperluan operasi yang mungkin akan berubah tempat mengikut keadaan oleh kerana kem-kem ini adalah kem sementara, maka bentuknya juga adalah sesuai dibina untuk dipindahkan apabila operasi di tempat tersebut tamat.

Ahli Yang Berhormat dari Matang juga menyatakan Malaysia perlu mengadakan dasar pertahanan dan strategi jangka panjang negara. Tuan Pengerusi, atas teguran Ahli Yang Berhormat itu saya sukalah menjelaskan bahawa Malaysia memang ada dasar-dasar pertahanan yang tertentu dan strategi-strategi tertentu, berasaskan dasar dan strategi inilah pembangunan pertahanan dirancangan dan belanjawan pertahanan disediakan. Saya tidaklah dapat dalam masa yang singkat menjawab satu-persatu banyak lagi soalan yang berbangkit, tetapi saya sukalah memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya tidaklah lalai dalam perkara ini.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang membangkitkan peruntukan Pusat Latihan Kemahiran Kementerian Pertahanan adalah terlalu kecil dan bidang kursus patut diluaskan lagi.

Tuan Pengerusi, suka saya memaklumkan di sini iaitu peruntukan untuk Pusat Latihan Bekas Perajurit adalah untuk menjelaskan tanggungan (liabilities) Institute Kemahiran Kementerian Pertahanan berjumlah \$5.5 juta untuk pembinaan bangunan dan \$4.5 juta untuk peralatan dan perkakas latihan. Peruntukan \$100,000 adalah untuk tujuan memagari kawasan institute tersebut.

Selanjutnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sebanyak 9 bidang latihan ketukangan telah disediakan iaitu:

- (1) Tukang Penerap batu bata;
- (2) Tukang Paip (plumbing);
- (3) Tukang Kayu dan tangan;
- (4) Mekanik Radio dan TV;
- (5) Mekanik Motor;
- (6) Mekanik Am;
- (7) Juru Kimpalan gas dan arkak;
- (8) Juru Elektrik;
- (9) Mekanik Penyejukbekuan dan Pendingin Udara.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang adanya penyelewengan peserta-pesert latihan peralihan.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya sangat mengambil berat di atas latihan peralihan untuk bakal-bakal bekas perajurit dan pengawasan yang rapi sentiasa dibuat di atas tiap-tiap bakal-bakal bekas perajurit yang mengikuti latihan ini. Jika ada di antara mereka yang menyeleweng atas kemudahan latihan ini bilangannya adalah sangat kecil.

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan pembelian 88 buah Skyhawk, kereta perisai dan kebal dan corvette dan keperluan anggota-anggota latihan.

Tuan Pengerusi, pembelian alat-alat capital selalunya dibuat setelah membuat kajian mendalam dan sesuai untuk keperluan pertahanan dan boleh ditanggung oleh Kerajaan bagi membiayainya pembelian dan penyelenggaraannya. Bagi tujuan operasi kereta perisai.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Ahli dari Kepong minta jalan.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya tidak beri. Tak ada masa.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:
. kereta perisai, kapal laut dan pesawat jet keperluan latihan bagi sistem itu telah dikira dan latihan sudah dan lebih awal dirancangan. Pihak Kementerian Pertahanan adalah sedar bahawa kewangan negara perlu digunakan dengan sewajarnya. Pembelian alat-alat itu adalah bagi mengadakan satu kekuatan dan kemampuan bagi tujuan menghindarkan musuh dari menceroboh ke kawasan negara sana ada di laut, udara dan di darat. Kemewahan negara dan keselamatan negara perlu dipertahankan guna kebahagiaan rakyat dan membangunkan suasana yang sihat bagi pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, adalah dimaklumkan, pembelian peralatan dan persenjataan yang dirancangan sekarang adalah satu permulaan sahaja dan akan terus dibeli bagi meningkatkan kemampuan Angkatan

Tentera untuk memenuhi dasar Kerajaan untuk berdikari. Tetapi dalam hubungan ini pembangunan Angkatan Tentera akan dilakukan mengikut kemampuan kewangan negara.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan berkenaan dengan Perpustakaan Maktab Turus Angkatan Tentera yang kecil dan tiada lengkap dan kenaikan pangkat dalam Angkatan Tentera.

Tuan Pengerusi, Maktab Turus Angkatan Tentera yang ada sekarang adalah di bangunan sementara dan segala kemudahan perpustakaan adalah terhad, tetapi kemudahan-kemudahan ini akan lebih lengkap apabila Maktab Angkatan Tentera berpindah di tempat yang baru yang sedang dirancang sekarang. Berkenaan dengan kenaikan pangkat, saya ingin menegaskan bahawa ini adalah diasaskan semata-mata kepada merit dan tidak ada pilih kasih dari segi keturunan ataupun soal-soal yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga membangkit berkenaan Institute Kajian Strategi.

Sokongan Ahli Yang Berhormat dari Kepong atas penubuhan Institute Kajian Strategi ini adalah diterima. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu perkara ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri dan bukanlah oleh Kementerian saya. Oleh itu, teguran Ahli Yang Berhormat itu terpaksa ditumpukan kepada Kementerian tersebut.

Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan perbelanjaan Pertahanan melebihi dari kemampuan negara. Ahli Yang Berhormat juga telah menyatakan kita tidak mampu membelanjakan pembelian alat-alat seperti corvette. Saya pernah

menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini negara masih mampu menampung perbelanjaan pertahanan dan memang dinilai dari segi keperluan ekonomi negara.

Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa soalan tentang pembelian alat-alat seperti kereta perisai dan jet. Pertamanya, Kementerian saya terpaksa membeli alat-alat yang sesuai untuk kegunaan Angkatan Tentera kita. Tuan Pengerusi, saya tidak faham Ahli Yang Berhormat itu mengatakan tentang Corvette yang mana kata beliau terlalu mahal.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Ahli dari Kepong minta jalan.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang saya katakan tentang kapal Induk Roosevelt harganya lebih daripada \$30 billion yang negara kita tidak mampu untuk membelinya bukan corvette tetapi Roosevelt.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Roosevelt, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Presiden Amerika.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tetapi itu di Amerika, bukan di negara Malaysia. Jadi, tidak masuk kiralah.

Tuan Pengerusi, ingin saya menjelaskan di sini berkenaan dengan masalah-masalah yang timbul oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional berkenaan dengan masalah dadah di dalam Angkatan Tentera.

Sebenarnya masalah dadah ini walaupun kecil bilangan anggota-anggota tentera yang terlibat, tetapi Kementerian Pertahanan memandangkan kes-kes ini sangat serius. Dari segi bilangan, kalau tidak salah saya untuk tahun 1970 hanya 19 orang anggota tentera telah dijumpai sebagai penghisap dadah. Dalam tahun 1981 bilangan ini meningkat kepada kalau tidak salah saya 186 orang dan pada 1hb September, 1982 bilangannya 164 penagih-penagih dadah dalam Angkatan Tentera.

Jadi, kita dapati bahawa penagih-penagih ini kebanyakannya mereka sudah menjadi penagih dadah sebelum mereka memasuki Angkatan Tentera dan di masa mereka menjalani medical examination, perkara ini telah tidak dapat dinyatakan oleh kerana "urine test" telah dilakukan boleh jadi beberapa hari selepas mereka menghisap. Jadi, Kementerian saya baru dapati kes-kes tersebut apabila pemeriksaan mengejut dijalankan oleh doktor-doktor di unit-unit Angkatan Tentera di merata negara kita.

Berkenaan dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang berkenaan dengan makanan anggota-anggota tentera kita tidak memuaskan, beliau mengatakan bahawa tiga tahun dahulu oleh kerana tindakan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Pertahanan ketika itu, maka makanan yang diberi pada masa itu telah memuaskan.

Tuan Pengerusi, apabila saya membuat lawatan ke unit-unit tentera di seluruh negara ini, saya mengambil berat atas perkara berkenaan dengan makanan anggota-anggota Angkatan Tentera kita. Walaupun saya tidak menggunakan publisiti berkenaan dengan langkah-langkah yang telah diambil, misalnya dalam kem-kem tentera di Kuantan, dari bulan November tahun lalu, sampai sekarang saya telah membuat tiga kali lawatan di

kem-kem tersebut dan didapati bahawa standard makanan yang diberi kepada anggota-anggota tentera di kem-kem tersebut sangatlah memuaskan pada masa sekarang ini daripada sebelum perkara itu disiasat oleh pegawai-pegawai saya.

Tuan Pengerusi, dengan jawapan point-point yang dibangkitkan tadi, sekianlah sahaja ulasan-ulasan yang dapat saya jawab untuk waktu ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,988,000,000 untuk Maksud B. 26 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,988,000,000 untuk Maksud B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,900,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 26 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,900,000,000 untuk Maksud P. 26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 27 (Jadual)—

Maksud P. 27 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 27 dan Maksud Pembangunan P. 27 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahaskan. Sebelum Yang Berhormat-Yang Berhormat bercakap, saya mintalah Yang Berhormat-Yang Berhormat bercakap di atas Butiran-butiran Belanjawan dan diperuntukkan dan saya minta

janganlah bercakap di atas Dasar kerana Dasar itu telah pun kita habiskan dalam dua masa yang telah diuntukkan dan sekarang kita di dalam Jawatankuasa dan dalam Jawatankuasa kita diminta membincangkan, membahaskan di atas Butiran-butiran dan bukannya di atas Dasarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

5.47 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyampaikan pendapat saya mengenai beberapa perkara yang bersangkutan-paut dengan Belanjawan bagi Kementerian Pelajaran.

Sebagai permulaan saya ingin merujuk kepada Butiran 2100, muka surat 269 iaitu mengenai Perjalanan Pengangkutan Orang dan khususnya di bawah Program 1 (c) bagi Pelajaran Rendah di mana peruntukan telah dikurangkan dari \$6.8 juta kepada \$2.24 juta dan juga bagi 5 (c) Naziran, di mana peruntukan dikurangkan dari \$3 juta sampai ke \$1 juta, iaitu pemotongan sebanyak 2/3 kalau dibandingkan dengan peruntukan untuk tahun 1982. Saya ingin juga menyentuh sedikit tentang 5 (b) Pengurusan Kurikulum di mana didapati peruntukan sebanyak \$350,000 dikekalkan. Memandangkan bahawa kurikulum baru sekolah akan dilaksanakan dengan sepenuhnya di lebih daripada 6,000 buah sekolah rendah di seluruh negara, saya berpendapat bahawa pemotongan perjalanan pengangkutan orang mungkin akan menjejaskan pelaksanaan KBSR kerana KBSR amat memerlukan penyeliaan yang rapi dan teliti dari semua pihak termasuk Jemaah Nazir sekolah, maka peruntukan untuk perjalanan sekurang-kurangnya bagi KBSR haruslah ditambahkan dan bukan dikurangkan.

Di sini saya ingin membangkitkan satu perkara yang ada berkaitan dengan peruntukan untuk perjalanan iaitu saya difahamkan bahawa guru-guru yang menyertai kursus orientasi KBSR tidak dibenarkan membuat tuntutan perjalanan sekiranya jarak perjalanan itu kurang daripada 15 batu iaitu mengikut syarat Perintah Am (General Orders). Ini mungkin menasabah bagi tempat-tempat yang lain tetapi tidak sesuai, sekurang-kurangnya bagi satu kes iaitu guru-guru dari Pulau Pinang yang menyertai kursus dari Seberang Prai ataupun sebaliknya. Mereka ini terpaksa menampung tambang feri bagi kereta mereka sebanyak \$5 sehari. Ini ialah kerana jarak itu termasuk perjalanan feri kurang daripada 15 batu. Maka saya ingin menyeru kepada Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Kewangan supaya dilonggarkan syarat ini. Ini ialah kerana di bawah KBSR guru-guru itu sudah tentu akan menanggung beban yang berat maka mereka mestilah diberi segala galakan dan sekurang-kurangnya mereka tidak dikenakan kerugian akibat dari menyertai kursus orientasi KBSR.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang pengurusan Kurikulum di bawah 5 (b) iaitu bagi pengajaran bahasa Cina dalam KBSR.

Saya difahamkan bahawa sistem ejaan baru "Pin Yin" dan juga sistem tulisan ringkas yang baru akan diperkenalkan di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina bersama-sama dengan KBSR. Ini memanglah satu cadangan yang baik yang dialu-alukan oleh para pendidik, kerana dua sistem baru ini akan menyenangkan pembelajaran bahasa Cina bukan sahaja bagi kanak-kanak keturunan Cina tetapi bagi kanak-kanak dan orang-orang lain yang berminat untuk mempelajari bahasa Cina. Di samping itu dengan meringankan beban untuk mempelajari bahasa Cina melalui

mempelajari bahasa Cina melalui sistem-sistem baru ini maka kanak-kanak keturunan Cina di SRJK (C) akan dapat mempelajari bahasa-bahasa lain khususnya Bahasa Malaysia dengan lebih berkesan lagi. Akan tetapi, setahu saya, sistem baru ini hanya akan diperkenalkan dalam kursus pra-perkhidmatan di Maktab-maktab Perguruan dan tidak ada kursus untuk guru-guru terlatih yang sekarang bertugas di sekolah-sekolah. Sebenarnya guru-guru lama ini ialah guru-guru yang sangat memerlukan latihan dalam sistem baru ini kerana mereka sudah biasa dengan sistem-sistem ejaan dan tulisan lama dan akan menghadapi masalah dengan pelaksanaan sistem baru. Sebab itu saya ingin menyeru Kementerian Pelajaran untuk menjalankan kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru yang sedia ada di sekolah-sekolah ini.

Sekarang saya ingin beralih ke muka surat 282, Butiran 4100, Program (4) (c) Bantuan Makanan.

Saya merasa terperanjat apabila saya dapati bahawa peruntukan untuk bantuan makanan ini dikurangkan dari \$40.75 juta kepada hanya \$10 juta sahaja. Maka ini bermaksud bahawa ini kurang daripada satu suku kalau dibandingkan dengan peruntukan tahun 1982. Saya merasa bimbang atas pengurangan peruntukan yang begitu besar, kerana seperti yang kita sedia maklum program bantuan makanan ini diadakan kerana didapati bahawa kekurangan zat makanan di kalangan murid-murid sekolah rendah khasnya di kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan yang terpencil merupakan satu sekatan terhadap perkembangan mereka sama ada dari segi fizikal ataupun dari segi cognitive iaitu dari segi perkembangan otak dan akal mereka. Maka saya ingin meminta Kementerian Pelajaran untuk memberikan penjelasan sama ada keperluan bantuan makanan ini sudah menjadi tidak begitu mendesak dan

juga sama ada pengurangan ini akan menjejaskan perkembangan kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada muka surat 283 di bawah Maksud P. 27, Butiran (Projek) 1 iaitu peruntukan untuk pelajaran rendah.

Saya dapati bahawa sebanyak \$114 juta akan diperuntukkan bagi tahun 1983. Saya telah membuat kajian mengenai jawapan bertulis yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran di Parlimen Kelima, Penggal Ketiga pada bulan April, 1981. Dari butir-butir yang diberikan itu didapati bahawa dalam tempoh 10 tahun iaitu di antara tahun 1971—1980 bantuan yang diberi kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Jenis Kebangsaan Tamil dalam bentuk bantuan penuh Kerajaan iaitu bantuan yang diberi kepada sekolah-sekolah yang tanahnya hak milik Kerajaan berjumlah \$52 juta iaitu pada hitung panjangnya lebih kurang \$5 juta tiap-tiap tahun. Maka bantuan modal bagi sekolah-sekolah bukan milik Kerajaan berjumlah lebih kurang \$12.7 juta iaitu lebih kurang \$1.3 juta tiap-tiap tahun. Maka ini bermaksud bahawa dalam tempoh 10 tahun ini peruntukan sebanyak lebih kurang \$150,000 diberikan kepada tiap-tiap Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Kalau kita mengikut trend yang telah berlaku dalam tempoh 10 tahun yang sudah ini maka saya pun kurang jelas di antara \$114 juta yang akan diperuntukkan untuk tahun 1983 ini berapa banyakkah akan diperuntukkan bagi maksud pembangunan untuk SRJK (C) dan SRJK (T). Kalau tak salah saya, maka jumlahnya tidak akan melebihi dari \$6—\$7 juta dari \$114 juta itu. Ini bermaksud bahawa kurang daripada 10% peruntukan pembangunan untuk semua SRJK (C) sama ada dalam bentuk bantuan penuh ataupun bantuan modal akan diberi daripada jumlah peruntukan untuk tahun 1983.

Oleh itu saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya memberi peruntukan yang lebih seimbang bagi kedua-dua jenis sekolah itu.

Maka dengan ini, Tuan Pengerusi, saya ingin kembali pula kepada bekalan muka surat 281, Butiran 4100, Program (3) (i) iaitu mengenai Bayaran Pindahan—bantuan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Didapati bahawa bantuan ini telah dikurangkan dari \$33 juta kepada \$14.7 juta iaitu sebanyak \$18.7 juta dipotong ataupun dikurangkan. Maka saya ingin meminta Menteri Pelajaran untuk memberi penjelasan sama ada ini akan menjejaskan tugas-tugas penting Dewan Bahasa dan Pustaka memandangkan bahawa hasil Dewan Bahasa dan Pustaka akan meningkat sebanyak \$2.6 juta sahaja iaitu mengikut buku Program dan Prestasi bagi Belanjawan 1983.

Tuan Pengerusi, prestasi Dewan Bahasa dan Pustaka terutamanya dalam tempoh 5 hingga 6 tahun kebelakangan ini boleh dikatakan memuaskan kerana telah mengeluarkan banyak buku-buku dan majalah-majalah yang telah memberi sumbangan kepada perkembangan Bahasa Malaysia. Akan tetapi memandangkan kekurangan buku-buku rujukan khasnya di peringkat universiti, maka saya berpendapat bahawa pengeluaran buku-buku ini harus diperbanyakkan lagi dan juga mutu buku-buku ini harus dipertingkatkan.

Mengenai penyusunan Kamus Dewan, saya merasa bahawa kemajuan penyusunan Kamus Dewan ini nampaknya agak lambat, maka ramai pendidik-pendidik dan juga orang umum telah tertunggu-tunggu pengeluaran Kamus ini. Mengenai Kamus Dwi-Bahasa, kemajuan nampaknya agak lambat juga.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ialah mengenai Kamus Dwi-Bahasa.

Kamus Dwi-Bahasa yang telah dikeluarkan oleh Dewan Bahasa ini ialah Kamus Dwi-Bahasa, Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia; Dewan Bahasa tidak pernah mengeluarkan Kamus Dwi-Bahasa yang lain terutamanya Dwi-Bahasa bagi Bahasa China-Bahasa Malaysia, Bahasa Tamil-Bahasa Malaysia ataupun bahasa yang lain bersangkut-paut dengan Bahasa Malaysia. Apa yang terdapat ialah Kamus Dwi-Bahasa dari penerbit-penerbit swasta, tetapi tidak ada kamus yang menterjemahkan Bahasa China ke dalam Bahasa Malaysia. Maka saya berpendapat bahasa Dewan Bahasa haruslah berusaha untuk mengeluarkan Kamus-kamus Dwi-Bahasa ini, kerana ini akan membantu mereka yang berbahasa Tionghua dan berbahasa Tamil untuk mempelajari Bahasa Malaysia dengan lebih berkesan dan baik. Langkah ini akan membantu proses penterjemahan buku-buku dan novel-novel karyawan dalam bahasa China dan bahasa Tamil yang terdapat dalam Malaysia kita ini ke dalam Bahasa Malaysia.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh sedikit tentang pelajaran tinggi iaitu di bawah Maksud Bekalan 27, muka surat 282, 6 (c) iaitu Pemberian Peruntukan kepada Institusi-institusi Pelajaran Tinggi. Didapati bahawa peruntukan dikurangkan dari \$487 juta hingga \$317 juta iaitu pengurangan sebanyak \$169 juta ataupun lebih kurang 35%, maka kadar ini merupakan satu kadar yang besar. Saya mengakui bahawa memang benar kita harus berjimat-cermat, tetapi saya ingin meminta penjelasan tentang adakah pemotongan ini akan menjejaskan perkembangan institusi-institusi pelajaran tinggi kita, memandangkan bahawa bilangan pelajar akan terus meningkat pada tahun depan. Adakah ini bermakna bahawa perkhidmatan dan juga segala kursus-kursus yang dijalankan di peringkat universiti ini akan juga terjejas?

Tuan Pengerusi, yang teruk sekali dari segi pemotongan ialah peruntukan bagi Universiti Sains Malaysia. Saya bangkitkan perkara ini bukanlah kerana saya bekas kakitangan universiti itu, sungguhpun saya tidak menafikan bahawa perasaan taat setia saya masih ada. Tetapi, kalau kita bandingkan peruntukan untuk USM, akan didapati hampir-hampir 46% telah dikurangkan, kalau dibandingkan dengan peruntukan bagi 1982, manakala bagi universiti-universiti yang lain pengurangan itu kurang daripada 40%. Bagi Universiti Malaya, misalnya, pengurangan itu hanya 23% sahaja. Tetapi bagi USM sama ada hampir-hampir setengah daripada peruntukan 1983 telah dikurangkan. Apakah sebab-sebabnya dan adakah ini akan menjejaskan perkembangan USM di Pulau Pinang dan juga perkembangan Medical Centre di Kelantan? Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya ucapkan terima kasih kerana berucap di atas dasar. Yang Berhormat dari Ulu Muda.

6.05 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B. 27 dan P. 27 di bawah Kementerian Pelajaran yang jumlah peruntukan yang diminta pada tahun 1983 yang kita sedang bincang sekarang berjumlah \$3,926,896,000. Pada pandangan saya peruntukan ini adalah terbesar sekali kalau kita banding dengan Kementerian-kementerian lain. Ini adalah membuktikan bahawa betapa seriusnya Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan 2M bersungguh-sungguh ingin hendak melihat rakyat dan generasi muda di dalam negara kita ini berpelajaran tinggi dan berpengetahuan tinggi.

Saya ucapkan syabas kepada Kementerian Pelajaran kerana rancangan Kementerian Pelajaran hendak mewujudkan beberapa buah sekolah menengah di dalam negara kita ini dan juga pelajaran-pelajaran agama di sekolah-sekolah kebangsaan meningkat bertambah daripada dahulu, kalau kita banding dengan sekarang begitu banyak sekali pelajaran-pelajaran agama diajarkan di sekolah-sekolah rendah dan menengah di dalam negara kita ini.

Sebagai contohnya di dalam masa penjajah dahulu tidak ada pelajaran agama diajarkan di sekolah-sekolah, tetapi Kementerian ini di bawah Kerajaan Barisan Nasional begitu bersungguh hendak memberi pengetahuan kepada murid-murid kita, iaitu pada masa saya bersekolah dahulu terpaksa kena pergi belajar agama sebelah petang, sebelah pagi tidak ada. Tetapi Alhamdulillah saya ucapkan syabas kepada Kementerian kerana menitikberatkan agama di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 265 di bawah Kementerian Pelajaran ini Butiran 1100 iaitu berkenaan dengan Program (1) Pelajaran Rendah dan Menengah, (2) Pelajaran Teknik dan Vokesyenal, (3) Pentadbiran Am dan (4) Kebajikan penuntut-penuntut dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi: Dan lain-lain lagi itu apa? Kena sebut bila hendak bercakap.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Yang ke 5 sampai ke 9.

Tuan Pengerusi: Ya, saya berharap boleh habiskan dalam 15 minit.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Pengerusi mengapa tidak semua negeri-negeri di Malaysia diwujudkan Pejabat Pelajaran Daerah seperti yang terdapat di Negeri Sembilan ataupun Kedah. Ada negeri-negeri yang

mempunyai pegawai-pegawai, tetapi belum berfungsi dan ada pula yang sudah pun berjalan, tetapi merab-raba tidak tahu apa hendak dijalankan. Kalau pembentukan Pejabat Pelajaran di tiap-tiap daerah seluruh negara tidak dapat dijalankan mengapa diperkenankan sistem ini terlalu awal. Perlantikan Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah ini tentulah memakan belanja yang besar kerana pegawai-pegawai pelajaran daerah semuanya berijazah dengan perbelanjaan yang besar dikeluarkan oleh Kerajaan. Masa kita mengamalkan austeriti drive, dengan izin, seperti sekarang ini tentulah sistem ini istimewa dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran pasti menjamin kemajuan yang istimewa di bidang pelajaran dan pendidikan seluruh negara kita, mengapa masih ada negeri-negeri yang belum bertindak sepenuhnya mewujudkan pegawai-pegawai pelajaran daerah?

Sebagai contohnya, saya ucap syabas kepada Kementerian kerana di negeri Kedah telah pun wujud Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah yang jumlahnya semua 7, tetapi saya ingin bercakap berkenaan dengan kawasan saya, iaitu Pendang dan Padang Terap. Saya tengok Pejabat Pelajaran Daerah begitu ganjil sekali disebabkan kalau kita bandingkan pejabat itu ditempatkan di Kuala Nerang, Padang Terap di mana jumlah sekolahnya hanya 17 tetapi di Pendang hampir 40 buah sekolah, tetapi mengapa pejabat itu dibuatnya di Kuala Nerang, bukankah ini satu tindakan yang membazir kerana kalau ada mesyuarat Guru-guru Besar terpaksa Guru-guru Besar daripada Pendang yang jumlahnya hampir 40 buah sekolah itu terpaksa pergi ke Kuala Nerang. Maka inilah saya merayu dan meminta kepada Kementerian ini supaya mengkaji semula kedudukan pejabat itu, sama ada sesuai di Pendang ataupun di Kuala Nerang.

Tuan Pengerusi, ada tugas Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah ini diseragamkan seluruh negara kerana saya dapati setengah-setengah borang permohonan pertukaran murid ditandatangani oleh Pegawai Pelajaran Daerah dan setengah-setengahnya oleh Pengarah Pelajaran Negeri, mengapa dan sebab apa jadi begitu, mungkin perkara ini baru, tak begitu teratur. Maka dengan ini saya mintalah kepada Kementerian supaya menyusun pentadbiran ini lebih teratur lagi.

Apa yang terjadi kepada Pegawai-pegawai Pelajaran yang menjadi Pengelola-pengelola Daerah sebelum pegawai-pegawai yang berijazah menjadi Pegawai Pelajaran Daerah adakah Kementerian Pelajaran memikirkan dan memperhitungkan air muka ataupun maruah Pengelola-pengelola Daerah yang dipaksa menerima Pegawai-pegawai Pelajaran yang lebih muda dan setengahnya biasa berkhidmat di bawah mereka dahulu datang menjadi boss dengan sertamerta. Pegawai-pegawai yang tidak berijazah, khususnya pegawai-pegawai dalam kategori C-2 adalah juga manusia yang sensitif dan bermaruah kerana merekalah yang mentadbirkan sekolah-sekolah di dalam bandar dan di luar bandar semenjak negara kita mempunyai sistem pendidikan seperti hari ini. Dalam mengejar kemajuan pelajaran kita meletakkan pegawai-pegawai yang berijazah di daerah-daerah, dengan izin, well and good, pada hal sebelumnya kita telah memberi keyakinan yang penuh kepada pegawai-pegawai yang tidak berijazah atas pengalaman dan keistimewaan mereka. Adakah pegawai-pegawai yang berijazah sekarang semuanya mempunyai pelajaran dan keistimewaan yang diperlukan? Adakah cukup dengan ijazahnya sahaja mentadbirkan sekolah-sekolah? Pengelola-pengelola Sekolah mempunyai pengaruh kuat ke atas guru-guru biasa yang ramainya

berada dalam kategori C 2 juga. Dengan membentuk perasaan frust di kalangan Pengelola-pengelola ini bukankah Kementerian Pelajaran juga menimbulkan perasaan yang sama ke atas guru-guru C 2 keseluruhannya. Adakah dengan adanya pegawai-pegawai yang berijazah maka pegawai-pegawai lain yang tidak berijazah telah menjadi tidak berguna lagi?

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa belajar di bawah pokok boleh juga sampai matlamat kita mendidik anak-anak tetapi dengan kerana besarnya publisiti dan perancangan mengenai KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) yang menitikberatkan 3M—Mahathir, Musa dan Murad, maaf, menulis, membaca dan mengira—maka saya terfikir mengapa satu aspek yang penting tidak diambil kira langsung, iaitu bentuk bangunan sekolah-sekolah kita. Bangunan sekolah-sekolah sekarang adalah sesuai dengan cara mengajar yang formal dan rigid seperti dahulu tetapi kaedah mengajar sekarang lebih menumpukan kepada cara mengajar kumpulan-kumpulan kecil dan individu. Mengapa bangunan-bangunan sekolah yang hendak dibina sekarang tidak diubah supaya lebih sesuai dengan kaedah mengajar yang memerlukan bilik-bilik anjung dan ruang-ruang dan berasingan, mengadakan lantai yang tinggi rendah, mengadakan tempat untuk murid membaca senyap, tempat bekerja dan berlainan dalam satu bilik darjah dan lain-lain yang sesuai dengan pendidikan di sekolah-sekolah rendah. Jikalau kaedahnya diubah sedangkan bangunannya tidak dipersuaikan, bukankah menyusah dan tidak menimbulkan suasana yang diperlukan. Adakah negara kita mesti selalu terlambat mengubahsuaikan sesuatu kerana belum ada penyelidikan atau pakar di bidang ini atau adakah kerana pakar-pakar yang kita ada di bidang pendidikan tidak memikirkan

pengaruh dan kesan bangunan sekolah dalam pendidikan anak-anak kita tidak begitu penting?

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 283 berkenaan rumah-rumah guru di luar bandar. Saya nampak di kawasan pendalaman jumlah peruntukan berjumlah \$9.9 juta, ini pada anggapan saya tidak mencukupi kerana di tempat saya boleh dikatakan semua sekolah tidak ada rumah guru, maklumlah kawasan yang begitu luas. Kalau guru-guru yang mengajar di sana terpaksa berulang berpuluh-puluh batu, ini menyusahkan rakyat sekalian. Maka jika boleh di kawasan pendalaman, terutama sekali di Ulu Muda, saya mintalah Kementerian beri perhatian yang serius supaya lebih banyak rumah-rumah guru diwujudkan di dalam kawasan sana yang mana guru-guru lebih rapat dengan ibu-bapa dan lebih rapat dengan murid dan jangan beri mereka berulang sampai 40 batu atau 50 batu di dalam kawasan Sik di sana.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk muka surat 284 berkenaan dengan asrama. Di tempat saya ada 3 buah sekolah menengah, tetapi hanya 2 sahaja ada asrama. Peruntukan yang diminta pada tahun 1983 ini begitu sedikit kerana di tempat saya, di Sekolah Menengah Sik dan Sekolah Menengah Pendang yang mana baru sahaja ada asrama, murid di sekolah Pendang hampir 2,000 orang tetapi keadaan begitu susah, ramai lagi murid-murid tak dapat masuk ke asrama, hanya tak sampai 200 orang boleh masuk ke asrama, maka ini menyusahkan murid di sana kerana maklumlah perkhidmatan bas pun tak sempurna, serba-serbi tak sempurna dan kalau boleh buat besarkan lagi hostel itu supaya lebih ramai murid-murid boleh ditempatkan di sana. Maka dengan demikian saya haraplah kalau ada hostel yang cukup, eloklah buat Sekolah Tingkatan Menengah Atas, Tingkatan Enam Rendah, sama

ada di Sik ataupun di Pendang, ini adalah wajib kerana maklumlah pendapatan ibu-bapa sangat sedikit. Pada masa ini kita tengok ramai murid-murid daripada hulu boleh juga pergi ke sekolah menengah tetapi terpaksa pergi ke Alor Setar, ke Kulim ataupun ke Sungai Petani tetapi apabila mereka pergi ke sana mereka menghadapi tak cukup asrama juga, maka terpaksa sewa di luar. Maka inilah menyebabkan susahnya ibubapa, pendapatan mereka begitu kecil, tak mampu membenarkan anak-anak mereka menyambungkan pelajaran ke Tingkatan Enam di bandar-bandar besar. Dengan demikian saya mintalah pihak Kementerian ini tolonglah beri sedikit fikiran serius kepada kawasan Ulu Muda kerana penduduk di situ tak ramai yang berpelajaran tinggi, sangat sedikit, boleh bilang sahaja yang dapat pergi ke universiti. Hanya sekolah, sama ada di Pendang ataupun di Sik mesti kita wujudkan Sekolah Tingkatan Enam Rendah sebagai starting kerana dahulu kalau kita hendak pergi, kena pergi jauh sangat.

Tuan Pengerusi, itu adalah pendapat-pendapat dan rayuan yang saya beri kepada Kementerian ini yang mana saya harapkan kedua-dua Timbalan Menteri Pelajaran yang ada ini, yang dengar saya bercakap ini supaya memberi fikiran serius kepada permintaan daripada orang ulu ini.

Tuan Pengerusi: Mereka mengangguk kepala (*Ketawa*).

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

6.20 ptg.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, menyertai perbahasan Maksud 27, Kementerian Pelajaran, saya akan menekankan P. 27, muka surat 283, iaitu perbelanjaan sekolah rendah

\$114,355,000 dan sekolah menengah \$95,806,000 iaitu berkenaan dengan bangunan-bangunan sekolah.

Hampir kesemua Wakil-wakil Rakyat apabila menghadiri Mesyuarat Tindakan Daerah, perkara yang penting diperbincangkan ialah tentang masalah bangunan sekolah dan kalau kita lihat bahawa laporan bulan demi bulan dalam pertimbangan, tender akan masuk, dan begitulah seterusnya. Saya beri misalan, semasa saya berada di Kementerian Pelajaran pada tahun 1976, peruntukan telah diluluskan \$300,000 untuk Sekolah Menengah Kuala Batas dalam kawasan Kubang Pasu, dalam kawasan Menteri Pelajaran sendiri pada masa itu, tetapi sekolah itu hanya siap awal tahun 1982 dan belanjanya telah meningkat hampir-hampir \$1 juta. Jadi dengan melewatkan segala peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan atas bangunan-bangunan ini bukanlah satu daya usaha untuk menjimatkan wang negara. Sebaliknya, kelewatan itu menambah beberapa kali ganda lagi perbelanjaan sehingga sekolah itu dapat dipergunakan. Ada juga kadangkala di kawasan-kawasan baru iaitu kawasan-kawasan FELCRA dan FELDA di mana didapati bahawa anak-anak murid di sekolah rendah di situ terpaksa pula pergi ke sekolah menengah oleh kerana kawasan itu jauh maka diwujudkanlah sekolah menengah sementara.

Saya beri misalan ialah Rancangan FELCRA di Seberang Perak yang mana telah wujud dalam tahun 1976 dan budak-budak sekolah menengah ini menumpang di sekolah rendah. Sehingga hari ini sudah sampai Tingkatan III sekolah menengah belum lagi wujud sungguhpun peruntukan sebanyak \$1.52 juta telah pun diluluskan pada tahun 1978, tapak sekolah pun belum nampak lagi. Jadi keadaan yang begini, saya percaya bahawa jika sekolah itu akan dibuat pada masa hari ini mungkin \$3 juta pun

tidak cukup. Keadaan-keadaan ini bukan sahaja menyusahkan rakyat tetapi dari segi politik kita terpaksa sentiasa berbohong kepada rakyat.

Dengan sebab itu setiap masa peruntukan telah diluluskan, kita mengatakan: Tunggulah, tunggulah. Sampai bilakah kita hendak berbohong kepada rakyat tentang hal ini. Dengan sebab itu kita tidak boleh menyalahkan JKR kerana bebanan yang telah kita bebankan kepada JKR ini terlalu berat untuk dipertanggungjawabkan oleh JKR untuk membina sekolah-sekolah ini. Dengan sebab itu saya mengesyorkan Kementerian Pelajaran, terutama daripada Bahagian Pembangunan supaya memikirkan cara yang sebaik-baiknya, bagaimanakah bangunan sekolah ini dapat didirikan dengan secepat-cepatnya untuk kepentingan anak-anak murid, juga dari segi kepentingan menjimatkan wang. Apa salahnya dalam satu-satu kawasan itu difikirkan untuk merangkumkan seluruh kawasan pilihanraya atau kawasan Pejabat Daerah, kita adakan apa yang dikatakan 'negotiated tender' ataupun 'turnkey project' keseluruhan sekolah-sekolah yang hendak dibangunkan dalam kawasan itu. Kita sekarang banyak pemborong-pemborong bumiputera, pemborong-pemborong Ali-Baba yang boleh joint-venture dengan luar negeri kerana tiap-tiap satu daerah saya percaya tidak kurang daripada \$5 juta untuk projek-projek pembangunan. Kita pertekankan khas atas pembangunan sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran kerana pelajaran adalah maha penting untuk menentukan rakyat di masa hadapan.

Kita tidak boleh lagi berlengah-lengah dan perkara ini mestilah kita kena ketepikan sedikit sebanyak red-tape. Apa yang penting ialah bahawa benar-benar kita dapat memajukan sekolah-sekolah ini untuk kepentingan anak-anak kita agar anak-anak kita

besok kalau tidak sependai kita pun, sama taraf dengan kita pun bersyukurlah dengan keadaan yang ada itu.

Tuan Pengerusi, kadangkala saya sungguh kasihan melihat pegawai-pegawai daripada JKR kerana merekalah menjadi sasaran yang paling hebat daripada Wakil-wakil Rakyat apabila tiap-tiap kali Majlis Tindakan Daerah diadakan. Setelah saya teliti dengan sehalus-halusnya bebanan ini tidak sepatutnya kita berikan kepada mereka kerana terlalu banyak tugas-tugas seperti jalanraya, bangunan-bangunan lain yang harus dipersiapkan oleh mereka. Dengan sebab itu, Kementerian Pelajaran, sebuah Kementerian yang begitu lama, sebuah Kementerian yang begitu senior, dengan izin, sebuah Kementerian yang begitu besar dan mempunyai peruntukan yang besar dapat mengendalikan pembangunan dengan caranya yang tersendiri untuk kepentingan murid-murid kita semua. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

6.27 ptg.

Tuan Yeoh Poh San (Petaling): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 265, Maksud Bekalan B. 27, Butiran 1100, Program (2) berkenaan dengan Pelajaran Teknik dan Vokesyenal dan juga muka surat 283 Maksud P. 27 Butiran 3, Tajuk—Pelajaran Teknik dan Vokesyenal dan Butiran 4, Tajuk—Pelajaran Teknik (Tinggi).

Tuan Pengerusi, adalah mendukacitakan bahawa Kerajaan kita tidak memberikan perhatian sepenuhnya ke atas penubuhan lebih banyak lagi Kolej Teknik dalam negara kita. Ini telah menyebabkan beribu-ribu pemuda yang tamat sekolah menengah setiap tahun telah

ketinggalan begitu sahaja dan tidak mengetahui apa yang hendak dibuat untuk meneruskan pelajaran mereka.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kita sedang "Memandang ke Timur", saya ingin membuat beberapa cadangan berdasarkan perhatian atas sistem pelajaran Jepun. Negara Jepun ada mempunyai lebih daripada 50 buah universiti dan lebih 150 Kolej Teknik di merata-rata negara tersebut. Juga terdapat beratus-ratus Sekolah Vokesyenal, tambahan pula sektor swasta ada mengatur dan menjalankan sekolah-sekolah latihan dan contohnya ialah Mitsu dan Mitsubishi. Tuan Pengerusi, dengan itu sesiapa yang gagal mendapat tempat atau tidak cenderung untuk memasuki universiti boleh melanjutkan pelajaran mereka di Kolej Teknik ataupun Sekolah Vokesyenal yang banyak didapati di negara itu.

Tuan Pengerusi, oleh itu dasar utama sistem pelajaran Jepun adalah:

- (1) Seseorang itu mempunyai peluang yang banyak untuk memperbaiki diri mereka menerusi pelajaran;
- (2) Pihak swasta memainkan peranan penting dalam mengadakan peluang untuk melanjutkan pelajaran bagi menambahkan usaha Kerajaan dalam perkara ini; dan
- (3) Cara pelaksanaan pelajaran serupa ini dengan luasnya dapat menghasilkan dari segi pekerja terlatih, pekerja pengurusan teknik dan pekerja terlatih peringkat pertengahan.

Tuan Pengerusi, pada masa ini Malaysia ada mempunyai 5 buah universiti yang boleh memberi peluang untuk mendapat ijazah atau taraf profesional, 2 buah lagi universiti akan

ditubuhkan pada masa hadapan. Kita patut menubuhkan banyak lagi universiti tetapi kita mesti juga ingat bahawa negara memerlukan lebih lagi kolej teknik dan juga sekolah vokesyenal dari segi penuntut untuk mengadakan tenaga manusia yang diperlukan di peringkat pertengahan iaitu Juruteknik dan sebagainya. Sistem yang ada pada masa ini adalah berat sebelah di mana kita akan mempunyai banyak Jurutera dari Mekanik dan Akauntan dari Kerani Akaun.

Tuan Pengerusi, sistem ini tidak dapat mencapai keperluan negara dalam masa jangka panjang bagi mengadakan tenaga manusia peringkat pertengahan di mana akhirnya akan menghalang proses industrialisation. Kerajaan telah mendirikan 29 buah sekolah vokesyenal, 2 buah di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, 3 buah di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan 24 buah di bawah Kementerian Pelajaran. Sekolah-sekolah vokesyenal ini tidak mencukupi memandangkan bahawa lebih dari 37,000 pelajar yang menuntut di 190 buah sekolah teknikal dan vokesyenal bersendirian (private institutions). Kerajaan sepatutnya menumpukan usaha kepada penubuhan Maktab-maktab Teknik dari mendirikan lebih banyak sekolah-sekolah vokesyenal.

Tuan Pengerusi, pelajaran yang diadakan oleh sektor swasta samasekali tidak mencukupi. Sepatutnya sektor swasta mesti digalakkan atau diberi kelonggaran cukai untuk menubuhkan kolej teknik dan juga sekolah vokesyenal supaya dapat memberi pelajaran kepada berbagai-bagai peringkat seperti di negara Jepun. Ini akan membantu Kerajaan serta mengurangkan beban atas institusi pelajaran Kerajaan. Kita mesti mengakui bahawa peluang bagi melanjutkan pelajaran tinggi dan teknik dalam negara ini masih kurang.

Oleh kerana kekurangan tempat kebanyakan tenaga manusia kita lepasan sekolah menengah telah tidak terlatih dan terbiar begitu sahaja sedangkan industri kita mengalami kekurangan pekerja terlatih. Penuntut lepasan sekolah yang tidak terlatih mungkin akan terjerumus ke dalam jalan jenayah dan akan menjadi satu masalah sosial kepada masyarakat.

Tuan Pengerusi, dalam masyarakat berbilang kaum seperti di negara kita bila satu-satu sektor tidak berpuas hati, ini sudah tentu akan mengancam kestabilan seluruh masyarakat. Kerajaan mesti bijak dan memandang jauh dan sementara kita memandang ke timur marilah kita mencontohi sistem pelajaran Jepun yang baik untuk kebaikan kita dan mengadakan banyak lagi Kolej Teknik dan Sekolah Vokesyenal.

Saya mengesyorkan supaya Kerajaan mengadakan satu unit khas teknik dan vokesyenal di bawah Kementerian Pelajaran semata-mata untuk mengawasi dan bertanggungjawab ke atas semua Kolej Teknik dan Sekolah Vokesyenal Kerajaan dan swasta. Ahli-ahli unit ini hendaklah terdiri dari ahli-ahli universiti-universiti tempatan dan Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi, unit ini akan:

- (1) Bertanggungjawab mengadakan banyak lagi Kolej Teknik dengan seberapa segera yang boleh;
- (2) Bertanggungjawab untuk menyusun syllabuses dan mengadakan peperiksaan bagi semua Kolej dan Sekolah Vokesyenal Kerajaan dan swasta; dan
- (3) Unit ini akan memerhati dan mengawasi semua Kolej Teknik dan Sekolah Vokesyenal swasta sahaja

untuk menentukan supaya taraf minima dikekalkan, penyalahgunaan tidak berlaku dan juga membantu Kolej Teknik dan Sekolah Vokesyenal swasta dengan seberapa yang boleh.

Akhir sekali saya menyokong perbelanjaan yang diperuntukkan untuk Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batu Gajah.

6.35 ptg.

Tuan Chan Kok Kit (Sungei Besi): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P. 27, Butiran 1100 tajuk—Gaji dan Upahan, Program (1) (a) Pengurusan Pelajaran Rendah dan Menengah dan B. 27, Butiran 1, muka surat 283 tajuk (1) Pelajaran Rendah (2) Pelajaran Menengah.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Pelajaran telah mengatakan bahawa Kementerian Pelajaran akan menimbang untuk membina Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan Cina sekiranya terdapat 100% orang-orang yang mendiami di sesuatu kawasan. Syarat ini adalah, rasa saya, satu syarat yang sangat mustahil kerana negara kita adalah sebuah negara berbilang bangsa dan adalah sukar untuk mendapati sesuatu kawasan yang penduduknya terdiri dari satu kaum sahaja.

Kenyataan Timbalan Menteri itu adalah mengejutkan, bertambah pula apabila pihak MCA mendakwa mereka telah mencapai satu 'breakthrough' dalam pilihanraya umum April lalu. Apakah 'breakthrough' yang dituntut oleh MCA yang kononnya mewakili orang-orang Cina negara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di atas dasar, saya minta bercakap di atas butir-butir Perbelanjaan ataupun Perbekalan.

Tuan Chan Kok Kit: Kita dari keturunan Cina untuk memberikan anak-anak mereka pendidikan dalam bahasa pengantar ibunda yang bermakna lebih banyak lagi Sekolah-sekolah Rendah Cina dibina untuk menampung permintaan ini tidak diindahkan, malah syarat ini dikenakan sebagai helah untuk menafikan orang-orang Cina dari menerima pendidikan dalam bahasa pengantar ibunda. Saya minta supaya dasar ini, kiranya inilah dasar baru Kerajaan. 2M selepas pilihanraya umum, diulangkaji dan lebih banyak lagi Sekolah-sekolah Rendah Cina dibina terutama sekali di bandar-bandar dan kampung-kampung baru.

Timbalan Menteri Pelajaran juga baru-baru ini menyatakan dalam Dewan ini bahawa hanya Sekolah-sekolah Rendah Cina yang dibina di atas tanah Kerajaan akan diberi bantuan. Ini adalah tidak patut sama sekali kerana semua sekolah, baikpun ianya dibina atas tanah Kerajaan atau tidak, adalah tanggungjawab Kementerian Pelajaran dan saya minta Kerajaan memberi bantuan kepada semua sekolah tanpa mengira sama ada sekolah-sekolah tersebut dibina atas tanah Kerajaan atau tidak.

Saya juga syorkan di sini supaya sekolah-sekolah menengah bebas Cina diberi bantuan penuh. Sekolah-sekolah ini telah memberi sumbangan yang banyak kepada negara dengan mendidik beribu-ribu orang pelajar. Sumbangan mereka adalah tidak ternilai dan saya minta Kerajaan menimbang untuk memberikan sekolah-sekolah menengah bebas tersebut bantuan penuh, kerana pada masa ini, sekolah-sekolah berkenaan terpaksa bergantung kepada derma dan sumbangan orang ramai dan juga menghadapi berbagai-bagai masalah terutama sekali kerumitan kewangan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh B. 27, Butiran (Kod) 1100, Program (5) (b)—Pengurusan Kurikulum.

Tuan Pengerusi: Muka surat?

Tuan Chan Kok Kit: Muka surat 266.

Tuan Pengerusi: Saya minta bercakap di atas butiran, jangan bercakap di atas dasar.

Tuan Chan Kok Kit: Saya juga ingin sentuh tentang kurikulum 3M. Pada tahun depan kurikulum 3M itu akan dilaksanakan di semua sekolah rendah. Soalnya ialah sama ada dalam program perintis yang dijalankan pada tahun ini di sekolah-sekolah rendah tertentu terdapat apa-apa kelemahan dalam sistem 3M itu dan apakah cukup masa untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut sebelum sistem 3M itu dikenalkan dalam semua sekolah tahun depan? Apakah bilangan guru-guru yang cukup sudah pun dilatih untuk mengajar sistem 3M? Apakah kursus selama 6 hari cukup untuk melatih seorang guru untuk mengajar sistem 3M. Kita dapati di negara-negara lain yang mempunyai sistem yang hampir sama seperti Sweden masa yang diambil untuk melatih guru-guru tersebut adalah tiga tahun. Juga, apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan saiz kelas-kelas kita kerana pada masa ini banyak dari bilik darjah kita mempunyai 40 hingga 45 orang murid sedangkan jumlah murid dalam sesebuah darjah hendaklah tidak lebih dari 25.

Juga, di negara-negara Barat yang mengamalkan sistem yang hampir sama mempunyai waktu sekolah yang mana waktu belajar mula dari pagi hingga ke pukul 4.00 petang dan makanan disediakan bagi mereka itu. Murid-murid di situ tidak perlu bimbang tentang makanan mereka dan bukan seperti di sini. Saya menggesa Kerajaan mengkaji perkara 3M ini dengan sedalam-dalamnya dan mempelajari dari negara-negara lain seperti Singapura di mana sistem seakan-akan sama ini telah gagal.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Hilir Padas.

6.44 ptg.

Tuan Mohammed Yussof bin Haji Yakob (Hilir Padas): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai dengan peruntukan Pembangunan P. 27 kepada Kementerian Pelajaran. Saya ingin menyentuh beberapa butiran iaitu Butiran 46, 47, 54 dan 55 di muka surat 266.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang mana menambahkan peruntukan mengenai rancangan sekolah-sekolah rendah daripada \$20 juta bagi tahun 1982 kepada \$29 juta pada tahun 1983 yang akan datang ini. Tetapi apa yang saya ingin bangkitkan di sini, Tuan Pengerusi, ialah mengenai dengan Butiran 47 iaitu rancangan sekolah-sekolah menengah yang mana telah dikurangkan daripada \$33 juta lebih kepada \$24 juta sahaja bagi tahun 1983 yang bermakna kekurangan lebih kurang \$9 juta. Jika kita bandingkan Butiran 46 dengan 47 dia sebenarnya mempunyai kaitan yang rapat kerana tambahan kepada Butiran 46 bermakna banyak sekolah-sekolah rendah akan dibina di seluruh negeri Sabah manakala Butiran 47 menunjukkan kekurangan pembinaan sekolah-sekolah menengah di negeri Sabah.

Di sini kita menemui satu dilema kerana banyaknya sekolah-sekolah rendah bermakna banyaklah murid-murid sekolah yang akan menuntut di sekolah rendah itu dan mereka akan menuntut di sana sehingga Darjah VI, bermakna selepas Darjah VI mereka terpaksa pergi ke sekolah menengah. Jadi kalau sekolah-sekolah rendah banyak bermakna murid-murid akan banyak sedangkan sekolah menengah

tidak banyak. Ini bermakna mungkin banyak murid-murid sekolah-sekolah rendah tidak akan dapat diterima di sekolah-sekolah menengah oleh sebab kekurangan bilik darjah dan sebagainya. Oleh yang demikian saya menyeru kepada Kementerian Pelajaran semoga mengambil kira perkara ini dan kalau boleh menambah lagi peruntukan yang diuntukkan kepada sekolah-sekolah menengah demi untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, izinkanlah saya untuk menarik perhatian Menteri yang berkenaan mengenai hal yang berlaku di kawasan saya iaitu di Hilir Padas. Umpamanya beberapa sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Beaufort dan Sekolah Menengah Weston hingga ke hari ini belum pun lagi siap apatah lagi digunakan sepenuhnya. Kegagalan menyiapkan sekolah-sekolah ini pada tarikh yang ditentukan telah mengakibatkan kerumitan kepada para pelajar sekolah-sekolah ini pada tarikh yang yang tersebut yang terpaksa mencari dan seterusnya beralih kepada sekolah-sekolah menengah yang lain yang jauh dari tempat mereka. Ini sudah semestinya akan mengakibatkan perbelanjaan yang ditanggung oleh ibubapa pelajar itu sendiri yang mana kebanyakan dari mereka ini adalah terdiri daripada golongan yang miskin.

Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan ialah mengenai keadaan beberapa sekolah khasnya di kawasan saya yang kurang memuaskan. Ada terdapat sekolah dinding dan lantainya yang sudah usang yang seharusnya diganti masih lagi terdapat di kawasan saya. Keadaan di sekeliling sedemikian sedikit sebanyak akan mengganggu keselesaan anak-anak sekolah di mana ketenteraman fikiran mereka akan sudah pasti tergugat dan seterusnya menghalang kecerdasan anak-anak itu. Oleh yang demikian, saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil langkah dan tindakan yang

perlu dan wajar dengan seberapa segera untuk memperbaiki keadaan ini. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa pelajaran dan ilmu pengetahuan itu penting tetapi biarlah ilmu pengetahuan yang dipelajari itu ilmu pengetahuan yang membawa faedah kepada rakyat dan negara. Justru itu saya mencadangkan supaya para pelajar baik di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah haruslah diberi didikan sivik dan pembangunan rohaniah yang kukuh demi membentuk satu masyarakat yang berdisiplin, jujur dan amanah. Ilmu kalau dilaksanakan tanpa berlandaskan kepada keimanan akan menjejaskan pembangunan negara.

Dengan kurangnya peruntukan yang diberikan untuk rancangan sekolah-sekolah menengah yang disebutkan tadi di Butiran 46 bermakna bilangan pembinaan sekolah-sekolah menengah yang baru di Sabah sudah mesti juga dikurangkan. Ini seperti yang saya katakan tadi sudah pasti menyulitkan lagi para pelajar di sekolah-sekolah rendah yang ada di luar-luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mengenai dengan Butiran 54, Maksud P. 27 di muka surat 286 iaitu mengenai dengan rumah guru-guru luar bandar yang sangat mengecewakan kalau kita lihat kerana tidak diberikan satu sen pun kepada negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, seperti yang dimaklumi bahawa Sabah adalah merupakan sebuah negeri di mana soal perhubungan terutama sekali perhubungan darat menjadi satu masalah yang berat iaitu satu masalah yang masih ada. Terdapat banyak guru-guru khasnya di pendalaman yang tidak mempunyai tempat tinggal kerana tidak dikhaskan oleh pihak yang berkenaan.

Kalau Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda tadi merungutkan kesulitan mereka, kesulitan kami lebih lagi

daripada mereka itu, kerana yang saya tahu ada setengah-setengah guru terpaksa tinggal di sekolah-sekolah itu sendiri kerana tidak ada rumah yang diuntukkan terutama sekali di kawasan pendalaman seperti Lubuk Sugut, Kinabatangan dan sebagainya. Ini sudah pasti akan menyulitkan para guru itu dan sedikit sebanyak akan mengganggu ketenteraman jiwa mereka yang mana seterusnya akan mengganggu prestasi perkhidmatan mereka kepada anak-anak sekolah. Akhirnya, siapa yang rugi, yang ruginya bukan mereka itu sendiri tetapi anak-anak sekolah itu kerana mungkin cara-cara mereka mengajar akan tergugat. Oleh yang demikian, untuk mengatasi masalah ini saya merayulah kepada Kementerian Pelajaran supaya menyelidiki soal ini dan memberikan peruntukan yang sewajarnya kerana peruntukan itu benar-benar diperlukan, yang secukupnya agar pembinaan rumah guru ini dapat dilaksanakan, mungkin tahun hadapan ataupun di tahun-tahun yang akan datang.

Seperkara lagi yang saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, ialah mengenai Butiran 55 yang mengenai asrama, di muka 286. Sekali lagi saya keciwa kerana kalau kita lihat tidak satu sen pun diperuntukkan kepada butiran ini, bermakna langsung asrama tidak akan dibina di tahun 1983, sedangkan apa yang saya katakan tadi masalah Sabah di dalam segi perhubungan terutamanya, adalah satu masalah yang semua orang tahu. Kalau kita kenang kembali kebanyakan murid-murid sekolah ini yang datang, baik ke sekolah rendah ataupun sekolah menengah, kebanyakan daripada mereka berjalan kaki berbatu-batu, bukan sahaja itu tetapi juga mereka harus terpaksa mengharungi jalan-jalanraya yang sentiasa berdebu-debu di waktu kemarau dan lumpur di waktu hujan.

Jadi kalau ada asrama ini, insya Allah, saya berpendapat bahawa mereka ini akan dapat tinggal di asrama itu. Kebanyakan sekolah-sekolah menengah didirikan memanglah khususnya di kawasan itu di mana sekolah-sekolah rendah itu didirikan. Walaupun pembinaan asrama ada dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah tetapi bukan semua sekolah menengah itu mempunyai asrama. Jadi cadangan saya dan permintaan saya kepada kedua-dua Yang Berhormat Timbalan Menteri, pertamanya supaya mengkaji semula sistem penubuhan asrama-asrama di sekolah-sekolah menengah di Sabah kerana walaupun ada asrama-asrama di sekolah-sekolah menengah di Sabah tetapi banyak lagi sekolah-sekolah menengah yang harus diberi asrama itu tidak mempunyai asrama. Ini sudah pasti akan menyulitkan para pelajar yang datang bersekolah di situ. Tetapi satu perkara lagi yang mungkin agak unik seperti juga keyunikan yang ada di Sabah haruslah diterima di dalam beberapa segi, segi pelajaran juga merupakan satu keyunikan yang ada di Sabah. Saya merayu kalaulah asrama boleh dibina di sekolah-sekolah menengah, kita juga perlu membina asrama-asrama di sekolah rendah, kerana kebanyakan sekolah-sekolah rendah ini murid-muridnya bukan hanya datang di sekitar itu sahaja, malahan mereka terpaksa berjalan kaki ada yang berjam-jam dan berhari-hari. Jadi, untuk menyenangkan dan memudahkan mereka itu bersekolah di sekolah-sekolah rendah itu, saya menyerulah sekali lagi supaya asrama bukan sahaja dapat dibina di sekolah-sekolah menengah tetapi juga dapat dibina di sekolah-sekolah rendah bukan semua sekolah rendah tetapi di sekolah rendah yang tertentu sahaja yang benar-benar menghendaki asrama ini.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya berharaplah supaya Kementerian tersebut akan dapat menimbang

perkara ini kerana adalah satu perkara yang sangat mustahak bagi anak-anak sekolah itu yang mana semestinya terpaksa tinggal di rumah-rumah orang lain dan membayar sewa dan sebagainya. Ini semestinya akan menyulitkan lagi para ibubapa mereka itu yang saya katakan tadi kebanyakan daripada golongan yang miskin. Oleh yang demikian, apalah kiranya, Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri yang berkenaan dapat menimbang perkara ini dengan setulus hati dan sebenar-benarnya dan memahami akan hakikat ini dan perasaan keciwa dan dukacita saya terhadap perkara ini. Dengan itu, Tuan Pengerusi, walaupun demikian, saya menyokong penuh peruntukan yang telah diberikan kepada Kementerian Pelajaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tenggaroh.

6.57 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Pengerusi, saya ingin turut sama mengambil bahagian di dalam perbahasan Anggaran Belanjawan untuk Kementerian Pelajaran. Dan untuk itu, ingin saya memulakan dengan surat 283, Maksud Pembangunan 27, Butiran 1 dan 2 di mana anggaran peruntukan bagi kedua-dua bahagian ini berjumlah \$210,161,000. Masih jelas di ingatan saya akan saranan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat dari Hilir Perak sebentar tadi di mana beliau ada menyatakan bahawa pembinaan sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara pada masa-masa yang lepas semata-mata dibebankan kepada JKR dan oleh kerana beban yang terlalu berat yang perlu dipikul oleh JKR ini maka pihak JKR tidak dapat mendirikan bangunan-bangunan sekolah itu sama ada bangunan yang baharu mahupun bangunan tambahan mengikut jadual-jadual yang telah

ditetapkan. Lantaran daripada itu, beberapa ketika yang lepas saya ada mendengar bahawa Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah kelambatan pendirian ataupun pembinaan sekolah-sekolah ini dengan cara memperkenalkan satu sistem apa yang dipanggil, dengan izin "System Package Deal". Tetapi apa yang mendukacitakan ialah sehingga ke hari ini, terutamanya di negeri Johor, saya belum lagi mendengar sebuah sekolah, baik sekolah menengah mahupun sekolah rendah, baik untuk sekolah tambahan mahupun sekolah baharu yang didirikan mengikut "System Package Deal" itu. Jadi, dengan pengenalan "System Package Deal" ini adalah diharapkan bahawa masalah kelambatan pembinaan bangunan sekolah-sekolah di dalam negara kita ini dapat diatasi. Oleh itu, saya berharap kepada Kementerian Pelajaran supaya menggunakan kesungguhan bagi melaksanakan pembinaan-pembinaan sekolah di seluruh negara yang telah sekian lama terbantut ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 3, muka surat 283, Maksud Pembangunan 27 juga, inginlah saya menyatakan di sini iaitu mengenai pelajaran teknik dan vokesyenal. Berhubung dengan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk membangkitkan masalah pembinaan sebuah sekolah menengah vokesyenal di kawasan pilihanraya saya. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa proses pengambilan tanah bagi pembinaan sekolah menengah vokesyenal di kawasan itu telah pun selesai dilaksanakan, cuma saat ini kami penduduk-penduduk di

bagian Tenggara sana menanti-nantikan proses pembersihan tapak kawasan dan pembinaan sekolah menengah vokesyenal tersebut. Adalah sangat-sangat diharapkan bahawa pembinaan sekolah menengah vokesyenal yang telah begitu lama diura-ura itu dibina di kawasan pilihanraya saya ini supaya mendapat perhatian yang serius daripada pihak Kementerian Pelajaran.

Maksud Pembangunan 27, Butiran 5—Universiti Pertanian Malaysia, halaman 283 juga, Tuan Pengerusi, di mana Universiti Pertanian ini diberikan peruntukan sebanyak \$10,968,000 bagi tahun 1983. Bagi saya peruntukan ini adalah terlalu kurang jika dibangkitkan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh Universiti Pertanian itu sendiri dari sudut pembinaan bangunan-bangunan tambahan universiti tersebut. Buat masa ini saya difahamkan bahawa Universiti Pertanian itu menghadapi masalah bilik kuliah, bilik tutorial dan bilik pensyarah Fakulti Pendidikan di mana bangunan khusus bagi Fakulti Pendidikan tersebut masih belum lagi wujud sehingga kesaat ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup, esok boleh sambung semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang Di-pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 3.00 petang hari esok, 19hb November, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.